



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

NEGERI SABAH

TAHUN 2013

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA**
彭亨州政府財政報告及管理
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
NEGERI SABAH
TAHUN 2013

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	21
Akaun Amanah Disatukan	21
Penyata Prestasi Kewangan	32
Penyata Akaun Memorandum	33
Rumusan Dan Syor Audit	40
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	45
Pakej Ransangan Ekonomi	47
Geran Peruntukan Persekutuan Di Bawah RM1 Bilion	48
Rumusan	50
BAHAGIAN IV : PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	53
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri	53
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	54

PERKARA	MUKA SURAT
Objektif Pengauditan	55
Skop Dan Metodologi Pengauditan	55
Kawalan Utama	55
Penemuan Audit	67
Pemeriksaan Audit Mengejut	77
Penemuan Audit	77
Syor Audit	80
 BAHAGIAN V : PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	83
Pengauditan Penyata Kewangan	83
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	83
Pengesahan Penyata Kewangan	85
Pembentangan Penyata Kewangan	87
Prestasi Kewangan	89
Syor Audit	105
 BAHAGIAN VI : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	109
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	109
 PENUTUP	 113
 LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	117
II Pernyataan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Dan Bendahari Negeri	118
III Penyata Kedudukan Kewangan	119
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	120
V Penyata Prestasi Kewangan	121
VI Penyata Akaun Memorandum	122
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	123

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Ugama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakurran yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urus niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agenzi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
9 Julai 2014

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2013

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2013 adalah masih baik walaupun Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan penurunan sejumlah RM320.80 juta atau 12.6% menjadi RM2.22 bilion pada tahun 2013 berbanding RM2.54 bilion pada tahun 2012. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus berjumlah RM24.51 juta pada tahun 2013 menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM3.64 bilion atau 0.7%. Kutipan hasil telah menunjukkan sedikit penurunan sejumlah RM19.76 juta atau 0.5% menjadi RM4.34 bilion pada tahun 2013. Manakala perbelanjaan mengurus telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM238.06 juta atau 5.8% menjadi RM4.32 bilion pada tahun 2013. Pelaburan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM2.12 bilion iaitu menurun sejumlah RM353.65 juta atau 14.3% berbanding RM2.48 bilion pada tahun 2012. Selain itu, pelaburan di Perbadanan Awam dan Badan Berkanun memberikan pulangan dividen sejumlah RM953.39 juta pada tahun 2013. Sementara tunggakan hasil telah meningkat sejumlah RM4.57 juta menjadi RM458.83 juta pada tahun 2013.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Di bawah *Rolling Plan 3* (2013-2014), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sebanyak 6,243 projek telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan dengan peruntukan berjumlah RM1.96 bilion. Pada tahun 2013, sejumlah RM1.30 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pencapaian pelaksanaan projek di bawah RMKe-10 bagi tahun 2013 adalah baik. Sebanyak 5,908 projek atau 94.6% telah siap dilaksanakan, sebanyak 264 projek atau 4.2% sedang dilaksanakan dan sebanyak 71 projek belum bermula. Pencapaian prestasi perbelanjaan pada tahun 2013 adalah RM1.07 bilion atau 82.5% daripada peruntukan semasa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara Negeri Sabah telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 38 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berbanding sebanyak 39 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012. Pencapaian pengurusan kewangan di 38 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 secara keseluruhannya adalah sangat baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati pencapaian pengurusan kewangan di 20 Kementerian/Jabatan/Agensi berada di tahap sangat baik, sebanyak 15 Kementerian/Jabatan/Agensi berada di tahap baik dan 3 Jabatan/Agensi Negeri lain berada di tahap memuaskan. Jabatan Bendahari Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah masih mengekalkan tahap pengurusan kewangan yang sangat baik dengan mendapat penarafan 4 bintang. Prestasi pengurusan kewangan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah pula menunjukkan prestasi yang meningkat dengan mendapat penarafan 4 bintang berbanding 3 bintang pada tahun 2012. Manakala, prestasi pengurusan kewangan di Majlis Ugama Islam pada tahun 2013 masih menunjukkan prestasi yang sama seperti tahun 2012 dengan mendapat penarafan 2 bintang.

5. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara Negeri Sabah telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 13 Jabatan Negeri Sabah. Kelemahan yang ditemui antaranya adalah Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggara; pemeriksaan mengejut tidak dilakukan; kutipan hasil tidak direkodkan segera ke dalam Buku Tunai; tiada surat penurunan kuasa; Buku Daftar Setem dan Daftar Mel tidak diselenggara; dan slip bank/penyata pemungut tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. Pada akhir tahun 2013, sebanyak 36 daripada 44 Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diterima. Sebanyak 6 Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Ugama Islam dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan masih belum menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun 2013 untuk diaudit. Sehingga 30 Jun 2014, sebanyak 43 penyata kewangan telah disijilkan terdiri daripada 14 penyata kewangan tahun 2013 dan 29 penyata kewangan tahun 2010 dan 2012 melibatkan 39 Sijil Tanpa Teguran dan 4 Sijil Berteguran. Selain itu, sebanyak 38 penyata kewangan bagi 26 Agensi Negeri yang telah disijilkan belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri setakat 30 Jun 2014.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 1, Siri 2 dan Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2013. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 April 2014. Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 Julai 2014. Pada tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat pada 17 Oktober 2013 dan 8 November 2013 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2011. Manakala, pada tahun 2014 Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat pada 19 Februari 2014 dan 19 hingga 20 Mac 2014 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2012.

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan NEGERI SABAH
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **12 Mac 2014**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai ubah suai bagi tahun 2013 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Tahun 2013 adalah selaras dengan format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2012).

1.3. Mulai tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah menggunakan piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2012) Persempahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berdasarkan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan bayaran bagi tahun 2013. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dan terimaan lain seperti amanah dan bayaran balik pemberian Persekutuan. Bayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Aset merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Perbelanjaan Pembangunan. Memorandum Liabiliti terdiri daripada dua kategori iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti. Hutang Awam meliputi semua Pinjaman Dalam Dan Luar Negeri termasuk hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Penerbitan Bon Kerajaan Negeri. Manakala Akaun Belum Terima yang meliputi Tunggakan Hasil dinyatakan sebagai maklumat tambahan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Teguran mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Bendahari Negeri dan Kementerian/Jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan Penyata Kewangan meliputi pemeriksaan terhadap rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persempahan Penyata Kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII.**

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan. Analisis Audit dibuat terhadap penyata kewangan berdasarkan data/dokumen dan rekod yang dihasilkan melalui Sistem *Main Account* serta dokumen kewangan lain yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 berjumlah RM2.22 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM100.08 juta dan pelaburan sejumlah RM2.12 bilion. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,610.70	3,635.21	24.51	0.7
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan	-1,065.85	-1,411.16	-345.31	32.4
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-2,108.22	-2,515.31	-407.09	19.3
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	9.35	-35.53	-44.88	-480.0
	• <i>Akaun Kena Bayar</i>	282.60	345.50	62.90	22.3
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	424.67	433.27	8.60	2.0
	<i>iii) Deposit</i>	325.75	360.91	35.16	10.8
	Jumlah	2,544.85	2,224.05	-320.80	-12.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti **Jadual 4.2.**

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	2,594.03	3,324.35	3,328.37	3,610.70	3,635.21
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan	-272.47	-503.67	-664.37	-1,065.85	-1,411.16
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>					
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-1,645.04	-1,815.99	-1,786.09	-2,108.22	-2,515.31
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	29.98	45.54	63.18	9.35	-35.53
	• <i>Akaun Kena Bayar</i>	403.53	395.42	306.45	282.60	345.50
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	549.66	541.23	431.35	424.67	433.27
	<i>iii) Deposit</i>	389.40	330.13	320.74	325.75	360.91
	Jumlah	2,321.56	2,820.68	2,664.00	2,544.85	2,224.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.3. Pada tahun 2013, baki Kumpulan Wang Disatukan telah menurun sejumlah RM320.80 juta atau 12.6% kepada RM2.22 bilion berbanding RM2.54 bilion pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan baki debit dalam Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM345.31 juta atau 32.4% iaitu daripada baki debit sejumlah RM1.07 bilion kepada baki debit sejumlah RM1.41 bilion.

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank. Kedudukan Wang Tunai pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti **Jadual 4.3.** Analisis Audit mendapati kedudukan Wang Tunai pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan berjumlah RM32.85 juta atau 48.9% menjadi RM100.08 juta berbanding RM67.23 juta pada tahun 2012. Punca utama peningkatan wang tunai disebabkan oleh pungutan hasil yang diterima melalui akaun bank Jabatan Tanah dan Ukur pada akhir tahun berjumlah RM30 juta.

Jadual 4.3**Baki Wang Tunai Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	55.30	94.76	39.46	71.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	11.93	5.32	-6.61	-55.4
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.00	0.00	0.00	0.0
Jumlah		67.23	100.08	32.85	48.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.2. Baki Wang Tunai bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	65.61	66.58	56.84	55.30	94.76
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	7.72	11.88	4.54	11.93	5.32
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.01	0.00	0.00	0.00
Jumlah		73.34	78.47	61.38	67.23	100.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk simpanan tetap dan deposit dengan institusi kewangan yang diluluskan. Pelaburan yang dibuat adalah daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan diambil kira pada nilai buku. Kedudukan pelaburan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5**Pelaburan Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Pelaburan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	2,475.86	2,122.21	-353.65	-14.3
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	1.76	1.76	0.00	0.0
Jumlah		2,477.62	2,123.97	-353.65	-14.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.2. Pelaburan terdiri daripada deposit dengan bank perdagangan tempatan dan Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM2.12 bilion dan RM1.76 juta. Pelaburan pada akhir tahun 2013 berjumlah RM2.12 bilion, menurun sejumrah RM353.65 juta atau 14.3% berbanding baki RM2.48 bilion pada tahun 2012. Penurunan pelaburan adalah disebabkan oleh pengeluaran simpanan tetap sejumrah RM402.65 juta di 10 Bank Perdagangan Tempatan dilakukan berbanding pertambahan pelaburan sejumrah RM49 juta kerana aliran wang tunai yang diterima tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan bagi tahun 2013. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima faedah daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM105.63 juta. Trend

pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.6**. Baki pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.6
Pelaburan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	2,246.86	2,740.86	2,600.86	2,475.86	2,122.21
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	1.36	1.36	1.76	1.76	1.76
	Jumlah	2,248.22	2,742.22	2,602.62	2,477.62	2,123.97

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 (a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan mencatatkan surplus sejumlah RM24.51 juta iaitu penurunan sejumlah RM257.82 juta atau 91.3% berbanding surplus yang dicatatkan pada tahun 2012 yang berjumlah RM282.33 juta seperti di **Jadual 4.7**. Analisis Audit mendapati penurunan surplus pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan mengurus sejumlah RM238.06 juta atau 5.8% berbanding kutipan hasil yang menurun sejumlah RM19.76 juta atau 0.5%. Perbelanjaan Aset menyumbang peningkatan terbesar berjumlah RM370.21 juta atau 42% menjadi RM1.25 bilion berbanding RM881.96 juta pada tahun 2012. Dengan surplus semasa berjumlah RM24.51 juta tersebut menjadikan Akaun Hasil Disatukan meningkat menjadi RM3.64 bilion pada tahun 2013.

Jadual 4.7
Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan
Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	3,328.37	3,610.70	282.33	8.5
Hasil	4,363.37	4,343.61	-19.76	-0.5
Perbelanjaan Mengurus	4,081.04	4,319.10	238.06	5.8
Surplus	282.33	24.51	-257.82	-91.3
Baki pada 31 Disember	3,610.70	3,635.21	24.51	0.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.8** dan **Carta 4.1**. Baki tahun 2013 adalah merupakan baki tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.8
Prestasi Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	2,407.43	2,594.03	3,324.35	3,328.37	3,610.70
Hasil	3,049.88	4,201.12	4,368.48	4,363.37	4,343.61
Perbelanjaan Mengurus	2,863.28	3,470.80	4,364.46	4,081.04	4,319.10
Surplus	186.60	730.32	4.02	282.33	24.51
Baki pada 31 Disember	2,594.03	3,324.35	3,328.37	3,610.70	3,635.21

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1
Kedudukan Surplus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Surplus Akaun Hasil Disatukan menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara sepanjang tempoh 5 tahun. Surplus telah meningkat sebanyak 291.4% pada tahun 2010 dan 6,923.1% pada tahun 2012. Surplus seterusnya menurun sebanyak 99.4% pada tahun 2011 dan 91.3% pada tahun 2013. Walaupun Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan kawalan yang baik terhadap belanjawan dan perbelanjaan dengan mengekalkan surplus dalam Akaun Hasil Disatukan, usaha perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan kutipan hasil Negeri di samping mengekalkan perbelanjaan berhemah.

4.4.5. Hasil

4.4.5.1. Kerajaan Negeri Sabah memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2013 adalah lebih tinggi berbanding anggaran disemak sejumlah RM282.62 juta atau 7% seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Disemak

Bil.	Butiran Hasil	Anggaran Disemak (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,104.35	1,176.45	72.10	6.5
2.	Hasil Bukan Cukai	2,615.92	2,764.06	148.14	5.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	340.72	403.10	62.38	18.3
Jumlah		4,060.99	4,343.61	282.62	7.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.2. Pada tahun 2013, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM4.34 bilion iaitu menurun sejumrah RM19.76 juta atau 0.5% berbanding kutipan hasil pada tahun 2012 yang berjumlah RM4.36 bilion. Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing didapati telah menurun sejumrah RM147.89 juta atau 11.2% dan RM21.11 juta atau 5% berbanding tahun 2012. Manakala Hasil Bukan Cukai meningkat sejumrah RM149.24 juta atau 5.7% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Peningkatan dan penurunan hasil pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Kutipan Hasil Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,324.34	1,176.45	-147.89	-11.2
2.	Hasil Bukan Cukai	2,614.82	2,764.06	149.24	5.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	424.21	403.10	-21.11	-5.0
Jumlah		4,363.37	4,343.61	-19.76	-0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.3. Analisis Audit selanjutnya terhadap kutipan hasil pada tahun 2013 mendapati sebanyak 52 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM244.75 juta berbanding penurunan berjumlah RM264.51 juta bagi 47 butiran hasil. Lima butiran hasil yang mengalami peningkatan yang ketara bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.11**. Manakala 5 butiran hasil yang mengalami penurunan yang ketara bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.11
Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Bukan Cukai – Premium Dari Jualan Tanah (Jabatan Tanah Dan Ukur)	127.64	201.41	73.77	57.8	Pada tahun 2013, Jabatan Tanah dan Ukur telah berjaya mengutip tunggakan premium dan <i>back rent</i> dari Jabatan Persekutuan berjumlah RM92.53 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai – Pembahagian – Perbadanan-perbadanan Awam (Jabatan Bendahari Negeri)	897.91	953.39	55.48	6.2	Pada tahun 2013, ‘Tax Credit’ yang diterima daripada LHDN telah meningkat kepada RM266.18 juta berbanding sejumlah RM16.90 juta yang diterima pada tahun 2012.
3.	Hasil Bukan Cukai – Royalti Petroleum (Kementerian Kewangan)	941.25	975.34	34.09	3.6	Jumlah pengeluaran gas pada tahun 2013 telah meningkat kepada 112,684,946 MMBTU berbanding pengeluaran sebanyak 97,405,903 MMBTU pada tahun 2012. Selain itu, pengeluaran minyak mentah turut meningkat sebanyak 53,179,651 tong pada tahun 2013 berbanding 49,760,855 tong pada tahun 2012.
4.	Hasil Bukan Cukai – Faedah Dari Pinjaman-pinjaman Kepada Badan Berkunun (Jabatan Bendahari Negeri)	0.04	18.42	18.38	45,950	Pada tahun 2013, sebanyak 6 agensi telah membuat bayaran balik faedah pinjaman secara tunai berbanding hanya 3 agensi pada tahun 2012. Sejumlah RM15.65 juta daripadanya adalah bayaran balik faedah pinjaman oleh Perbadanan Pinjaman Sabah
5.	Terimaan Bukan Hasil – Pemberian Bagi Membayai Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan-jabatan Di Bawah Senarai Bersama (Kementerian Kewangan)	83.74	99.39	15.65	18.7	Terimaan bayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan mengurus bagi 4 Jabatan di bawah Senarai Bersama pada tahun 2013 berbanding 3 Jabatan pada tahun 2012.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.12
Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca Penurunan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai – Cukai Jualan Atas minyak kelapa Sawit (Kementerian Kewangan)	1,136.52	1,009.17	-127.35	-11.2	Penurunan disebabkan oleh harga MPOB bagi CPO per tan metrik menurun dengan harga purata sebanyak RM2,336.04/MT pada tahun 2013 berbanding RM2,826.58/MT pada tahun 2012.
2.	Terimaan Bukan Hasil – Perolehan Daripada Pemindahan Pinjaman-pinjaman Kepada Kumpulanwang Badan-badan Berkanun dan lain-lain (Jabatan Bendahari Negeri)	121.81	63.52	-58.29	-47.9	Hasil ini merupakan pindahan dari dana Kumpulanwang Amanah Pinjaman kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain. Penurunan adalah disebabkan oleh bayaran balik yang diterima daripada Badan-badan Berkanun dan Agensi dalam tahun 2013 adalah berkurangan berbanding tahun 2012. Hal ini menyebabkan hasil yang dipindahkan dalam tahun 2013 juga turut berkurangan berbanding tahun 2012.
3.	Terimaan Bukan Hasil – Sumbangan Kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan (Jabatan Kerja Raya)	119.18	80.82	-38.36	-32.2	Kementerian Kewangan Malaysia hanya meluluskan bayaran sejumlah RM80.82 juta daripada tuntutan berjumlah RM103.28 juta untuk kos pelaksanaan projek pembangunan persekutuan bagi tahun 2013. Tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah mengikut kadar 12% seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 25 Ogos 2009.
4.	Hasil Bukan Cukai – Sewa Tanah (Jabatan Tanah Dan Ukur)	78.91	64.19	-14.72	-18.7	Penurunan ini disebabkan oleh penyelesaian tunggakan sewa tanah pada tahun 2012 oleh syarikat dan agensi Kerajaan seperti MLGH, POIC dan Syarikat Borneo Samudera Sdn. Bhd.
5.	Hasil Bukan Cukai – Jualan Sarang Burung (Jabatan Hidupan Liar)	10.79	2.57	-8.22	-76.2	Bayaran tender dan tunggakan tender memajak dan mengutip sarang burung belum dijelaskan oleh penender sejak tahun 2000 hingga 2013.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.5.4. Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tempoh 5 tahun menunjukkan hasil telah meningkat pada tahun 2010 dan 2011 manakala menurun pada tahun 2012 dan 2013. Trend kutipan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.13** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.13
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	1,003.88	1,223.43	1,501.03	1,324.34	1,176.45
2.	Hasil Bukan Cukai	1,753.10	2,085.78	2,566.55	2,614.82	2,764.06
3.	Terimaan Bukan Hasil	292.90	891.91	300.90	424.21	403.10
Jumlah		3,049.88	4,201.12	4,368.48	4,363.37	4,343.61

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Cukai Jualan, Royalti Petroleum, Hasil Tanah, Hasil Hutan dan Hasil Air. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM2.70 bilion atau 62.1% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2013 berbanding kutipan berjumlah RM2.73 bilion atau 62.5% dalam tahun 2012 seperti di **Jadual 4.14**. Manakala trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.15**. Kutipan Cukai Jualan merupakan penyumbang terbesar dengan kutipan berjumlah RM5.91 bilion bagi tempoh tersebut dan diikuti oleh Royalti Petroleum, Hasil Tanah, Hasil Hutan dan Hasil Air masing-masing menyumbang sejumlah RM4.32 bilion, RM1.24 bilion, RM1.20 bilion dan RM698.83 juta.

Jadual 4.14
Sumbangan Utama Ke Atas Hasil Kutipan Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun			
		2012		2013	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Jualan	1,240.32	28.4	1,107.47	25.5
2.	Royalti Petroleum	941.25	21.6	975.34	22.5
3.	Hasil Tanah	215.73	4.9	275.66	6.3
4.	Hasil Hutan	176.53	4.0	181.59	4.2
5.	Hasil Air	151.74	3.5	156.64	3.6
Jumlah		2,725.57	62.5	2,696.70	62.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.15
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Cukai Jualan	957.97	1,169.50	1,439.49	1,240.32	1,107.47
2.	Royalti Petroleum	742.98	826.55	831.18	941.25	975.34
3.	Hasil Tanah	140.70	286.81	321.58	215.73	275.66
4.	Hasil Hutan	345.03	297.09	202.85	176.53	181.59
5.	Hasil Air	117.74	133.73	138.98	151.74	156.64
Jumlah		2,304.42	2,713.68	2,934.08	2,725.57	2,696.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6. Perbelanjaan Mengurus

4.4.6.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti gaji dan elaun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, elaun/ganjaran/pencen ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran dengan perintah mahkamah. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah yang diperuntukkan mengikut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 berjumlah RM4.32 bilion berbanding RM4.08 bilion pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumrah RM238.06 juta atau 5.8%. Pada keseluruhannya, peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 disebabkan perbelanjaan Emolumen, Aset dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap masing-masing sejumrah RM39.57 juta, RM370.21 juta dan RM12.41 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 mengikut 5 butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	630.45	670.02	39.57	6.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	1,051.61	1,041.77	-9.84	-0.9
3.	Aset	881.96	1,252.17	370.21	42.0
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	613.98	626.39	12.41	2.0
5.	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	903.04	728.75	-174.29	-19.3
Jumlah		4,081.04	4,319.10	238.06	5.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.2. Pada tahun 2013, peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM4.09 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM1.02 bilion menjadi RM5.11 bilion. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berjumlah RM4.32 bilion iaitu lebih rendah daripada anggaran disemak sejumlah RM793.28 juta atau 15.5%. Peratus keseluruhan perbelanjaan berbanding anggaran pula ialah 84.5% seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17
Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Yang Disemak Bagi Tahun 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Anggaran Disemak (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Atas Anggaran (%)
					(%)
1.	Emolumen	699.85	670.02	-29.83	95.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	1,164.27	1,041.77	-122.50	89.5
3.	Aset	1,347.08	1,252.17	-94.91	93.0
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	651.15	626.39	-24.76	96.2
5.	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	1,250.03	728.75	-521.28	58.3
Jumlah		5,112.38	4,319.10	-793.28	84.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.3. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mengurus mendapati 5 butiran perbelanjaan mengalami peningkatan yang ketara antara RM12.15 juta hingga RM86.25 juta. Manakala 5 butiran perbelanjaan mengalami penurunan yang ketara antara RM26.57 juta hingga RM95 juta. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 4.18** dan **Jadual 4.19**.

Jadual 4.18**Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Aset – Bangunan Dan Pembaikan Bangunan (Kementerian Kewangan)	81.66	167.91	86.25	105.6	Kod ini digunakan untuk menampung perbelanjaan projek ‘Cadangan Membina Pusat Pentadbiran negeri Sabah Teluk Likas (Fasa 1 – Keja-kerja Bangunan)’. Perbelanjaan adalah berdasarkan tuntutan kontraktor mengikut tahap kemajuan projek.
2.	Emolumen – Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain (Kementerian Kewangan)	5.00	23.73	18.73	374.6	Pembayaran tunggakan gaji (bonus) pada bulan Januari dan pelarasan kenaikan gaji pada bulan Julai tahun 2013.
3.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli (Jabatan Air Negeri Sabah)	41.29	59.49	18.20	44.1	Peningkatan disebabkan oleh pembaikan paip yang pecah dan bocor akibat daripada banjir dan tanah runtuh serta pengantian paip lama yang mudah pecah, bocor atau rosak.
4.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Perhubungan Dan Utiliti (Jabatan Air Negeri Sabah)	18.62	31.22	12.60	67.7	Bil elektrik telah meningkat pada tahun 2013 disebabkan Loji rawatan Air yang beroperasi telah bertambah daripada 55 pada tahun 2012 kepada 64 pada tahun 2013. Peningkatan ini juga menyebabkan pengeluaran kapasiti air bertambah dari 385,403,881.90 meter sepadu pada tahun 2012 kepada 413,175,597.73 meter sepadu pada tahun 2013.
5.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli (Jabatan Pengairan Dan Saliran)	3.81	15.96	12.15	318.9	Antara sebab peningkatan adalah: a. Pelarasan terhadap Akaun Pendahuluan Diri pada tahun 2013 untuk kerja pembersihan/ pengorekan sungai berjumlah RM11.99 juta dan penyenggaraan sistem perparitan berjumlah RM9.17 juta. b. Kerja pertahanan tebing sungai, pengendalian dan penyenggaraan pengairan dan saliran di seluruh negeri.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.19**Penurunan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca Penurunan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain – Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah (Kementerian Kewangan)	130.00	35.00	-95.00	-73.1	Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri hanya menyalurkan sejumlah RM35 juta berbanding RM130 juta pada tahun 2012 berikutan baki peruntukan masih mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pengendalian Dan Penyenggaraan Jalan-jalan Raya dan Jambatan.
2.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain – Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah (Kementerian Kewangan)	535.00	440.00	-95.00	-17.8	Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri hanya menyalurkan sejumlah RM440 juta daripada peruntukan sebanyak RM800 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan berbanding penyaluran sebanyak RM535 juta pada tahun 2012.
3.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Penyenggaraan Dan Pembaikan (Jabatan Kerja Raya)	49.73	14.47	-35.26	-70.9	Pada tahun 2013, kod ini hanya digunakan oleh satu cawangan sahaja (Cawangan Cerun) berbanding 3 cawangan (Cawangan Cerun, Pemeliharaan Jalanraya dan Jambatan) pada tahun 2012.
4.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Sewaan (Jabatan Kerja Raya)	38.93	11.23	-27.70	-71.2	Pada tahun 2012, bayaran sewaan adalah termasuk bayaran balik pendahuluan diri berjumlah RM28.22 juta menyebabkan perbelanjaan pada tahun 2012 lebih tinggi berbanding tahun 2013.
5.	Perkhidmatan Dan Bekalan – Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli (Jabatan Air Negeri Sabah)	45.04	18.47	-26.57	-59.0	Penukaran paip jenis <i>G.I. compipe</i> (<i>pipe connection from distribution pipe to meter stand</i>) secara berperingkat kepada stainless steel pipes telah berjaya mengurangkan pembaikan terhadap kebocoran paip dan paip pecah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.6.4. Analisis perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun menunjukkan perbelanjaan mengurus telah meningkat pada setiap tahun kecuali tahun 2012. Perbelanjaan Kerajaan Negeri yang terbesar dalam tempoh tersebut adalah Perkhidmatan Dan Bekalan yang berjumlah RM4.75 bilion. Ini diikuti oleh Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM4.61 bilion, Aset berjumlah RM3.82 bilion, Emolumen berjumlah RM3 bilion dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM2.91 bilion. Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.20** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.20
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	549.38	567.97	583.46	630.45	670.02
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	792.21	891.43	976.55	1,051.61	1,041.77
3.	Aset	270.94	401.10	1,010.15	881.96	1,252.17
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	395.05	630.01	647.73	613.98	626.39
5.	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	855.70	980.29	1,146.57	903.04	728.75
Jumlah		2,863.28	3,470.80	4,364.46	4,081.04	4,319.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM23.08 juta telah dibuat pada tahun 2013 oleh 53 Kementerian/Jabatan berbanding RM11.26 juta oleh 47 Kementerian/Jabatan pada tahun 2012. Bayaran di bawah AP58(a) tertinggi dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah masing-masing berjumlah RM10.32 juta dan RM3.13 juta. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi Kementerian Kewangan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah sebahagian besarnya adalah untuk bayaran tunggakan

konsesi air dan bayaran kerja-kerja kecil pembaikan/menaiktaraf bangunan. Butiran pembayaran di bawah AP58(a) adalah seperti di **Jadual 4.21**. Antara sebab bayaran di bawah AP58(a) ini dibuat adalah bil/invois telah lewat diterima daripada pejabat cawangan/pembekal dan baucar bayaran dikuiri oleh Jabatan Bendahari Negeri.

Jadual 4.21

**Kementerian/Jabatan Yang Membuat Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)
Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Baucar Bayaran		Jumlah (RM Juta)		Perubahan	
		2012	2013	2012	2013	(RM Juta)	%
1.	Kementerian Kewangan	38	73	0.11	10.32	10.21	9,281.8
2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	165	213	0.85	3.13	2.28	268.2
3.	Jabatan Kerja Raya	176	116	0.87	2.01	1.14	131.0
4.	Jabatan Tanah Dan Ukur	31	131	0.30	1.28	0.98	326.7
5.	Jabatan Ketua Menteri	129	294	0.78	0.87	0.09	11.5
6.	Lain-Lain	1,222	1,256	8.35	5.47	-2.88	-34.5
Jumlah		1,761	2,083	11.26	23.08	11.82	105.0

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah akaun yang digunakan untuk mengakaun penerimaan pinjaman dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2013, pinjaman sejumlah RM146.22 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air dan pelbagai. Pinjaman yang diperolehi telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada akhir tahun 2013, Akaun Pinjaman Disatukan tidak mempunyai baki seperti tahun 2012 dan tahun sebelumnya.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Wang Deposit. Pada akhir tahun 2013, Akaun Amanah Disatukan berbaki debit berjumlah RM1.41 bilion berbanding baki debit berjumlah RM1.07 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan baki debit sejumlah RM345.31 juta atau 32.4%.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966). Punca kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, imbuhan balik dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan serta terimaan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan dana pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek pembangunan Negeri serta dipinjam semula kepada Agensi Negeri. Pada tahun 2013, Kumpulan Wang Pembangunan telah menerima pindahan sejumlah RM440 juta daripada Akaun Hasil Disatukan, RM146.22 juta daripada Akaun Pinjaman Disatukan, RM33.22 juta daripada bayaran balik pemberian Persekutuan dan RM47.38 juta daripada hasil pembangunan yang lain. Pada tahun 2013, Kumpulan Wang Pembangunan telah terlebih dikeluarkan sejumlah RM407.09 juta. Oleh itu, baki defisit terkumpul pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM407.09 juta menjadi RM2.52 bilion berbanding RM2.11 bilion pada tahun 2012 seperti ditunjukkan di **Jadual 4.22**. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan untuk tempoh 5 tahun ditunjukkan di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.22
Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-1,786.09	-2,108.22	-322.13	18.0
Terimaan	633.68	666.82	33.14	5.2
Bayaran	955.81	1,073.91	118.10	12.3
Baki Pada 31 Disember	-2,108.22	-2,515.31	-407.09	19.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.23
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-1,535.25	-1,645.04	-1,815.99	-1,786.09	-2,108.22
Terimaan	922.33	1,002.37	788.32	633.68	666.82
Bayaran	1,032.12	1,173.32	758.42	955.81	1,073.91
Lebihan / (-) Defisit	-109.79	-170.95	29.90	-322.13	-407.09
Baki Pada 31 Disember	-1,645.04	-1,815.99	-1,786.09	-2,108.22	-2,515.31

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis Audit mendapati jumlah dana yang disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pembangunan sebenar. Ini disebabkan Kerajaan Negeri menyediakan bajet defisit terhadap hasil dan perbelanjaan pembangunan. Anggaran hasil dan perbelanjaan pembangunan berbanding yang sebenar bagi tahun 2013 ditunjukkan di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Pembangunan
Disemak Berbanding Yang Sebenar Bagi Tahun 2013

Perihal	Tahun 2013	
	Anggaran Disemak (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)
Hasil	1,117.68	666.82
Caruman daripada Anggaran Perbekalan	800.00	440.00
Bayaran Balik Pemberian Persekutuan	37.44	33.22
Wang Pinjaman Persekutuan	206.07	146.22
Hasil Pembangunan Yang Lain	74.17	47.38
Perbelanjaan	1,326.35	1,073.91
Lebihan/Defisit	-208.67	-407.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati kos ‘Projek Cadangan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah di Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah – (Fasa 1: Kerja-kerja Bangunan)’ berjumlah RM391.82 juta di mana sejumlah RM218.33 juta daripadanya telah dibayar melalui perbelanjaan mengurus khas. Mengikut Pihak Kementerian Kewangan Projek ini merupakan projek khas Kerajaan Negeri dan dibiayai bersama Kerajaan Negeri dan 2 Agensi Kerajaan. Projek ini telah diletakkan di bawah Perbelanjaan Mengurus Khas KKNS untuk memberikan fleksibiliti kepada Kementerian Kewangan dalam mengurus pembiayaan dan memastikan kelancaran pelaksanaan projek. Perbelanjaan Mengurus Khas adalah bagi pembiayaan perbelanjaan secara *one-off* dan projek PPNS adalah dikategorikan sebagai perbelanjaan *one-off*. Tempoh pelaksanaan projek termasuk penyediaan kemasan dalaman dan kelengkapan pejabat akan mengambil masa melebihi tiga tahun. Di bawah Kepala Perbelanjaan Pembangunan, penyediaan peruntukan projek-projek pembangunan adalah mengikut *Rolling Plan*. Sesuatu *Rolling Plan* akan menyediakan peruntukan untuk dua tahun. Cadangan peruntukan projek untuk tahun-tahun berikutnya perlu dicadang dan dipertimbang semula dalam penyediaan *Rolling Plan* yang berikut. Dalam hal yang demikian, untuk memudahkan pelaksanaan projek tanpa melalui proses *Rolling Plan*, KKNS memutuskan supaya projek dimasukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Sungguhpun alasan tersebut adalah munasabah tetapi pada pendapat Audit, perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan modal yang melebihi tempoh satu tahun kewangan dan dengan itu adalah lebih wajar diakaunkan dalam Kumpulan Wang Pembangunan seperti mana pembinaan projek-projek pembangunan yang lain selaras dengan Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta No.70 Tahun 1966).

4.6.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada 5 komponen utama iaitu Akaun Antara Pentadbiran, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka. Pada akhir tahun 2013, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menunjukkan baki debit berjumlah RM35.53 juta

berbanding baki kredit sejumlah RM9.35 juta pada tahun 2012 iaitu penurunan sejumlah RM44.88 juta atau 480%. Analisis Audit mendapati penurunan ini disebabkan oleh peningkatan baki debit Akaun Pendahuluan Diri sejumlah RM23.51 juta atau 12.2% iaitu daripada baki debit sejumlah RM192.57 juta pada tahun 2012 menjadi baki debit sejumlah RM216.08 juta pada tahun 2013. Selain itu, baki debit Akaun Semasa Antara Pentadbiran juga meningkat sejumlah RM113,568 atau 0.7% menjadi baki debit berjumlah RM17.09 juta pada tahun 2013 berbanding baki debit berjumlah RM16.98 juta pada tahun 2012.

a. Kumpulan Wang Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan)

Kumpulan Wang ini ditubuhkan pada awal bulan Januari 1994 di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) untuk mengakaunkan penerimaan dan pembayaran berhubung kerja-kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan Kerajaan Negeri. Panjang jalan raya Negeri yang diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya adalah 10,999.98 kilometer. Sejumlah 8,687.42 kilometer merupakan jalan negeri, 2,257.49 kilometer jalan kampung, 39.30 kilometer jalan pertanian dan 15.77 kilometer jalan kawasan perumahan murah. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM507.77 juta daripada Kerajaan Persekutuan, sejumlah RM35 juta caruman daripada Kerajaan Negeri dan pendapatan dari Lain-lain Bayaran sejumlah RM17,500 menjadikan terimaan keseluruhannya berjumlah RM542.79 juta. Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan diperuntukkan untuk pembayaran konsesi penyenggaraan jalan raya. Sebarang kekurangan akan ditampung melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM581.67 juta atau 107.2% daripada terimaan akaun ini yang menyebabkan perbelanjaan melebihi terimaan sejumlah RM38.88 juta. Bagaimanapun, Kumpulan Wang ini mengakhiri tahun 2013 dengan baki kredit sejumlah RM7.71 juta berbanding baki kredit pada tahun 2012 sejumlah RM46.59 juta iaitu penurunan sejumlah RM38.88 juta atau 83.5%. Kedudukan baki 2009 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Kedudukan Baki Kumpulan Wang Jalan-jalan Raya Dan Jambatan-jambatan (Pengendalian Dan Penyenggaraan) Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2009	95.41	363.11	471.86	-13.34	129.9
2010	-13.34	558.00	540.37	4.29	96.8
2011	4.29	631.98	586.33	49.94	92.8
2012	49.94	557.43	560.78	46.59	100.6
2013	46.59	542.79	581.67	7.71	107.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Akaun Pendahuluan Diri

- i. Akaun Pendahuluan Diri diwujudkan bagi maksud mengakaun pendahuluan wang kepada pegawai untuk keperluan menjalankan tugas rasmi, pendahuluan gaji sementara menunggu surat pelantikan dan pendahuluan diri (pelbagai). Peruntukan bagi Akaun Pendahuluan Diri berjumlah RM12.00 juta. Pada akhir tahun 2013, Akaun Pendahuluan Diri telah lebih dikeluarkan sejumlah RM216.08 juta. Oleh itu, terdapat peningkatan dalam baki terlebih dikeluarkan sejumlah RM23.51 juta atau 12.2% berbanding RM192.57 juta pada tahun 2012. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1.38 juta daripadanya merupakan pendahuluan diri untuk perjalanan rasmi dan sejumlah RM210.63 juta adalah pendahuluan diri (pelbagai) yang belum diselesaikan antara tahun 1994 hingga 2013.
- ii. Pendahuluan ini termasuk pendahuluan diri bagi pelbagai pembelanjaan mengurus yang dibayar melalui Akaun Pendahuluan Diri kerana peruntukan tahun semasa tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang telah dipertanggungjawabkan. Selain itu, pendahuluan pelbagai juga termasuk pendahuluan diri yang diambil untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan di mana peruntukan tidak disediakan/tidak mencukupi. Kedua-dua pendahuluan diri ini dilaksanakan dengan kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam **Arahan Perbendaharaan 54** dan **55**. Berdasarkan kepada **Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 8 Tahun 1998** dan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, pendahuluan diri yang diluluskan di bawah AP54 hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin menggunakan peruntukan tahun semasa ataupun melalui pindahan peruntukan. Manakala tiada penetapan tempoh untuk menyelesaikan pendahuluan diri bagi kerja kecemasan.
- iii. Pada tahun 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan pembayaran melalui Akaun Pendahuluan Diri Pelbagai sejumlah RM77.06 juta untuk menampung perbelanjaan yang tidak mempunyai peruntukan mencukupi pada tahun semasa dengan memberi kelulusan di bawah AP54. Sejumlah RM6.08 juta daripadanya merupakan perbelanjaan gaji dan bonus, manakala RM70.98 juta adalah untuk pembayaran pelbagai tuntutan/perkhidmatan/bekalan di bawah perbelanjaan mengurus. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan sejumlah RM144.54 juta permohonan pembayaran melalui Akaun Pendahuluan Diri Pelbagai untuk kerja kecemasan yang dilaksanakan oleh Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Keretapi dan Jabatan Pengairan Dan Saliran pada tahun 2013. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan Negeri juga telah meluluskan permohonan sejumlah RM115.55 juta untuk penyelesaian semula Akaun Pendahuluan Diri tersebut.

c. Akaun Semasa Antara pentadbiran

Semakan Audit mendapati baki debit Akaun Semasa Antara Pentadbiran telah meningkat sebanyak RM113,568 atau 0.7% daripada RM16.98 juta pada tahun 2012 kepada RM17.09 juta pada tahun 2013. Peningkatan baki debit disebabkan oleh tuntutan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum dibayar balik setakat 31 Disember 2012. Sejumlah RM21.46 juta atau 99.4% daripadanya merupakan tuntutan Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur bagi tempoh 2012 hingga 2013 yang belum dibayar balik seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26

Tuntutan Kerajaan Negeri Yang Belum Dibayar Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Kumpulan Wang Kementerian	Jumlah Tuntutan (RM)	Tahun Tuntutan
1.	Kumpulan Wang Pencen Balu Dan Anak Yatim	74,295.52	2013
2.	Kementerian Pertanian Malaysia	21,464,300.62	2012-2013
3.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	37,880.00	2013
Jumlah		21,576,476.14	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.3. Akaun Kena Bayar

- a. Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada bulan Disember yang perlu dijelaskan pada bulan Januari tahun berikutnya. Baucar Akaun Kena Bayar bagi semua Kementerian/Jabatan dibuat melalui Jabatan Bendahari Negeri. Bagaimanapun, 4 Jabatan mengakaun sendiri dibenarkan untuk membuat bayaran bagi baucar bernilai kurang daripada RM50,000. Pada tahun 2013, Akaun Kena Bayar berjumlah RM345.50 juta berbanding RM282.60 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM62.90 juta atau 22.3%. Secara keseluruhannya, pembayaran yang dikenakan oleh 3 Jabatan Mengakaun Sendiri telah menurun. Akaun Kena Bayar bagi Pelbagai/Kementerian Jabatan telah meningkat sejumlah RM69.80 juta atau 26.5% menjadi RM333.44 juta berbanding RM263.64 juta pada tahun 2012. Manakala, Akaun Kena Bayar bagi Jabatan Perhutanan meningkat sejumlah RM2.16 juta atau 86.1% iaitu daripada RM2.51 juta pada tahun 2012 kepada RM4.67 juta pada tahun 2013. Peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar yang dibayar oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan 4 Jabatan Mengakaun Sendiri pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27**Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelbagai Kementerian/Jabatan	263.64	333.44	69.80	26.5
2.	Jabatan Perhutanan	2.51	4.67	2.16	86.1
3.	Jabatan Kerja Raya	9.22	3.61	-5.61	-60.8
4.	Jabatan Pertanian	5.33	2.76	-2.57	-48.2
5.	Jabatan Tanah Dan Ukur	1.90	1.02	-0.88	-46.3
Jumlah		282.60	345.50	62.90	22.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Semakan Audit terhadap 289 baucar bayaran Akaun Kena Bayar berjumlah RM194.81 juta mendapat pembayaran sejumlah RM6.83 juta bagi 16 baucar merupakan bil/tuntutan/Perintah Kerja Am (PKA) yang telah diterima pada bulan Mac hingga November 2013 dan tidak sepatusnya dipertanggungkan di dalam Akaun kena Bayar. Ini kerana perbelanjaan untuk bekalan/perkhidmatan/tuntutan tersebut telah dibuat pada bulan November dan sebelumnya.
- c. Lima Kementerian/Jabatan yang mempunyai Akaun Kena Bayar tertinggi pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.28**.


Jadual 4.28**Akaun Kena Bayar Tertinggi Bagi Lima Kementerian/Jabatan Pada Tahun 2013**

Bil.	Kementerian/ Jabatan	Butiran Perbelanjaan					
		Emolumen (RM Juta)	Perkhidmatan Dan Bekalan (RM Juta)	Aset (RM Juta)	Pemberian Dan Kenaan Tetap (RM Juta)	Lain-Lain (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Jabatan Air Negeri Sabah	0.40	17.72	1.62	0.00	62.80	82.54
2.	Kementerian Kewangan	0.09	7.32	49.75	0.04	3.22	60.42
3.	Jabatan Kerja Raya	0.11	14.26	10.36	0.15	34.40	59.28
4.	Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah	0.03	3.58	1.05	0.00	18.06	22.72
5.	Jabatan Ketua Menteri	0.02	0.80	0.00	0.03	18.99	19.84

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

- d. Analisis Audit mendapat Akaun Kena Bayar menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2010 hingga 2012 tetapi meningkat pada tahun 2013 seperti yang ditunjukkan di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas dan Akaun Wang Amanah Pelbagai. Pada tahun 2013, terdapat satu Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas dan 100 Akaun Amanah Pelbagai. Semakan Audit terhadap Kumpulan Wang Amanah Awam mendapatkan perkara berikut:

4.6.2.1. Kumpulan Wang Khas

Kumpulan Wang Khas adalah terdiri daripada akaun yang tidak aktif dan dilaburkan sebagai simpanan tetap. Pada tahun 2013, akaun ini berbaki RM50 juta yang merupakan peruntukan bagi Tabung Amanah Warisan Negeri Sabah yang diwujudkan dalam tahun 1996. Sehingga akhir tahun 2013, Tabung tersebut masih belum digunakan.

4.6.2.2. Akaun Amanah Pelbagai

- Akaun Amanah Pelbagai ditubuhkan untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri di samping peruntukan yang ditetapkan. Setiap Akaun Amanah dikawal oleh satu Arahan Amanah. Setakat akhir tahun 2013, terdapat 100 Akaun Amanah telah diwujudkan. Baki keseluruhan Akaun Amanah ini telah meningkat sejumla RM8.61 juta atau 2.3% menjadi RM383.27 juta pada tahun 2013 berbanding RM374.66 juta pada tahun 2012. Penyumbang utama peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan baki RM103.72 juta terhadap 32 Akaun Amanah berbanding penurunan baki bagi 34 Akaun Amanah berjumlah RM95.11 juta.

- b. Pada tahun 2013, sebanyak 9 Akaun Amanah yang baru diwujudkan dengan baki pada akhir tahun berjumlah RM39.97 juta seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Akaun Amanah Yang Baru Diwujudkan Pada Tahun 2013

Bil	Nama Akaun Amanah	Tujuan Penubuhan	Baki (RM Juta)
1.	Peruntukan Bantuan Tunai Bagi Kos Pengendalian Bantuan Rakyat 1 Malaysia.	Mengakaun peruntukan Bantuan Tunai Rakyat 1 Malaysia yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.	0.02
2.	Projek Pembangunan Pertanian Komersial Berasaskan Padi Di Kota Belud, Sabah – Pelaksanaan Kerja-kerja Fizikal.	Mengakaun pembayaran terhadap kerja-kerja ‘Routine Maintenance’ yang bakal dilaksanakan selama 24 bulan selepas tarikh ‘Practical Completion’ pada 3 Julai 2012 seperti mana yang termaktub dalam syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina Seksyen II, Klausa 34.	1.47
3.	Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Kg. Labang Sepulut I, Nabawan.	Mengakaun hasil terima dari penjualan buah tandan segar kelapa sawit Ladang Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Kg. Labang Sepulut I, Nabawan.	0.00
4.	Tabung Perwira Sabah	Mengakaun Tabung Perwira Sabah bagi membantu anggota keselamatan awam yang terkorban semasa bertugas	0.02
5.	Pasaran Premium Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Di Bawah EPP 7 – Program Pembangunan National Key Economic (NKEA).	Mengakaun perbelanjaan ‘Pasaran Premium Buah-Buahan Di Bawah EPP 7 – Program Pembangunan National Key Economic (NKEA)’. Membolehkan pembayaran/pengagihan dibuat kepada Jabatan Negeri dan pembayaran kerja-kerja penyediaan infrastruktur Taman Kekal Pengeluaran Makanan IATC, Putatan dan TKPM Masilou, Kundasang di bawah program NKEA.	13.31
6.	Sabah Resource Centre For Mahseer/Ikan Pelian/Empurau/Kelah.	Mengakaun perbelanjaan bagi projek ‘Sabah Resource Centre For Mahseer/Ikan Pelian/Empurau/Kelah’.	0.09
7.	Akaun Amanah Bagi Mengakaun Peruntukan persekutuan Bagi Melaksanakan Projek Menaiktaraf padang Bola Sepak Luar Bandar Di Negeri Sabah Di Bawah Program Transformasi Luar Bandar.	Mengakaun perbelanjaan melaksanakan projek ‘Menaik taraf Padang Bola Sepak Luar Bandar Di Negeri Sabah Di Bawah Program Transformasi Luar Bandar’.	-1.59
8.	Akaun Amanah Sempena Sambutan 50 Tahun Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia.	Mengakaun sumbangan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Agensi-Agenzi. bagi memudahkan penyaluran peruntukan kepada Jabatan/Agenzi yang terlibat dan pembayaran perbelanjaan kepada pembekal sempena Sambutan 50 Tahun Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia.	12.60
9.	Program Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sabah.	Mengakaun perbelanjaan pelaksanaan Program Pusat Transformasi Bandar (UTC). Penubuhan akaun ini bertujuan untuk menerima dan mengurus geran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia termasuk apa-apa terimaan atau sumbangan dari masa ke semasa dan mengagihkan semula kepada agensi pelaksana/membuat bayaran kepada pihak yang terlibat dalam pelaksanaan UTC Sabah.	14.05
Jumlah			39.97

Sumber: Jabatan Bendahari Negeri

4.6.2.3. Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 4 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan 9 Kumpulan Wang Amanah Awam merupakan akaun yang tidak aktif mulai tahun 1996 - 2009 sehingga kini atau sudah tidak aktif melebihi 5 tahun. Akaun-akaun tersebut adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

Bil.	Akaun Amanah	Baki Pada 31 Disember 2013 (RM)	Sejak Tahun
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan			
1.	Akaun Semasa Antara Pentadbiran – Bayaran Pencen.	4,486,216	2008
2.	Kumpulan Wang Bekalan Air – Pengendalian Dan Penyenggaraan.	-40,075,577	1996
3.	Kumpulan Wang Simpanan Bagi Pelajar-pelajar Tajaan Biasiswa Kerajaan Negeri.	90,000	2004
4.	Kumpulan Wang Amanah Stor Dan Kerja Tak Beruntuk – Jabatan Air.	2,230,881	2004
Jumlah		-33,268,480	
Kumpulan Wang Amanah Awam			
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Sabah.	50,000,000	1996
2.	Bayaran Gaji Bulanan Kakitangan Jabatan Hidupan Liar- Kes Penculikan Di Pulau Sipadan.	77,831	2006
3.	Akaun Khas Bencana Alam/Kecemasan DBKK.	46,231	2002
4.	Akaun Khas Bencana Alam/ Kecemasan, Pejabat Daerah Papar.	13,299	2005
5.	Akaun Khas Bencana Alam/Kecemasan, Pejabat Daerah Semporna.	20,000	1998
6.	Akaun Khas Bencana Alam/ Kecemasan, Pejabat Daerah Kunak.	16,000	1998
7.	Taman Hidupan Liar Lok Kawi.	10,810	2009
8.	Projek-projek Kecil Bagi Kawasan-kawasan Parlimen.	2,618	2009
9.	Akaun Khas Bencana Alam/Kecemasan, Pejabat Daerah Penampang.	10	2006
Jumlah		50,186,799	
Jumlah Keseluruhan		16,918,319	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.4. Akaun Amanah Yang Ditutup

Pada tahun 2013, sebanyak 2 Akaun Amanah Khas dan 3 Akaun Amanah Pelbagai telah ditutup. Baki Akaun Amanah berjumlah RM11,084 dan telah dipindahkan ke Akaun Hasil Pelbagai seperti di **Jadual 4.31**.


Jadual 4.31
Akaun Amanah Yang Ditutup

Bil.	Akaun Amanah	Baki yang Dipindahkan Ke Akaun Hasil Pelbagai (RM)
Akaun Amanah Khas		
1.	Bursari Syarikat Shell Berhad	4,635
2.	<i>Woolley Bequest</i>	3,539
	Jumlah	8,174
Akaun Amanah Pelbagai		
1.	Pendapatan Dari Pada <i>Woolley Bequest</i>	2,875
2.	Tabung Amanah Bumi Hijau	35
3.	Projek “Enhancing Environmental Management By Way Of Strengthening The Compliance Of Logging Operators To The Environmental Conditions In Sabah”.	0.00
	Jumlah	2,910
	Jumlah Keseluruhan	11,084

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3. Akaun Deposit

4.6.3.1. Pada akhir tahun 2013, deposit terdiri daripada 48 akaun berjumlah RM360.91 juta. Jumlah ini meningkat RM35.16 juta atau 10.8% berbanding RM325.75 juta pada tahun 2012. Punca utama peningkatan adalah peningkatan baki 19 Akaun Deposit berjumlah RM39.47 juta berbanding penurunan baki 13 Akaun deposit berjumlah RM4.32 juta pada tahun 2013. Baki Akaun Deposit bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.5**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3.2. Akaun Deposit Tidak Bergerak

Arahan Perbendaharaan 159 menghendaki supaya senarai baki pendeposit bagi tahun berakhir 31 Disember setiap tahun dihantar kepada Bendahari Negeri dan wakil kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun berikutnya. Selaras dengan AP 159, senarai baki pendeposit bagi tahun 2013 telah disedia dan dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri dan Jabatan Audit Negara. Adalah didapati, sebanyak 9 Akaun Deposit berjumlah RM1.80 juta seperti di **Jadual 4.32** tidak bergerak antara tahun 2001 sehingga kini. Sekiranya deposit-deposit tersebut tidak diperlukan lagi, tindakan pewartaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162 perlu dibuat.

Jadual 4.32
Akaun Deposit Tidak Bergerak Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Akaun Deposit	Baki Pada 31 Disember 2013 (RM)	Tahun Mula Tidak Bergerak
1.	Deposit Tender – Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan.	1,435,000	2010
2.	Wang Pampasan Insuran Untuk Rumah Skim Penempatan Orang pelarian Filipina Di batu 3, Kinarut Papar.	322,696	2010
3.	Deposit Am – Mahkamah Anak Negeri.	18,995	2008
4.	Wang Pampasan Insuran Untuk Skim Penempatan Orang Pelarian Filifina Kg. Hidayat, Tawau.	12,320	2001
5.	Deposit Penguatkuasaan Perikanan.	8,000	2008
6.	Wang Cagaran Kursus Pertanian Bersepadu.	6,240	2009
7.	Wang Pampasan Insuran Kebakaran Skim Penempatan – Biro Maklumat Awam (Penempatan) Jabatan Ketua Menteri.	1,299	2002
8.	Program Kapsul Masa Seabad Jabatan Perhutanan 2005 – 2015.	15	2009
9.	Bayaran Balik Biasiswa/Dermasiswa MUIS	11	2010
Jumlah		1,804,575	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam pinjaman dan bantuan dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah.

4.7.2. Pada tahun 2013, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit sejumlah RM382.58 juta iaitu peningkatan baki defisit sejumlah RM342.78 juta atau 861.3% berbanding defisit berjumlah RM39.80 juta pada tahun 2012. Terimaan hasil Kerajaan Negeri yang ditunjukkan pada Penyata Prestasi Kewangan adalah termasuk terimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Terimaan hasil pada tahun 2013 berjumlah RM5.01 bilion iaitu meningkat sejumlah RM13.38 juta atau 0.3% berbanding terimaan hasil berjumlah RM5 bilion pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus juga meningkat 5.8% atau RM238.06 juta menjadi RM4.32 bilion pada tahun 2013 berbanding RM4.08 bilion pada tahun 2012. Perbelanjaan pembangunan juga turut meningkat sejumlah RM118.10 juta atau

12.4% menjadi RM1.07 bilion berbanding RM955.81 juta pada tahun 2012. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

Prestasi Kewangan Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	4,997.05	5,010.43	13.38	0.3
<i>Perbelanjaan Mengurus</i>	4,081.04	4,319.10	238.06	5.8
<i>Perbelanjaan Pembangunan</i>	955.81	1,073.91	118.10	12.4
Surplus/Defisit	-39.80	-382.58	-342.78	861.3
Dibidayai Oleh:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	21.07	146.22	125.15	594.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	123.75	76.61	-47.14	-38.1
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-184.62	-605.41	-420.79	-227.9
Jumlah	-39.80	-382.58	-342.78	861.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Awam, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi lain yang masih belum dibayar balik. Pada tahun 2013, baki pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.04 bilion berbanding RM1.09 bilion pada tahun 2012. Penurunan sejumlah RM50.40 juta atau 4.6% ini disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman pokok oleh Agensi berjumlah RM76.61 juta. Sejumlah RM47 juta daripadanya merupakan pertukaran pinjaman kepada ekuiti oleh KKIP Sdn. Bhd. dan sejumlah RM25 juta pinjaman kepada 2 Perbadanan Awam dan 2 Badan Berkanun telah dihapus kira. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pertukaran pinjaman kepada geran bagi pinjaman Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah sejumlah RM1.20 juta. Manakala, sejumlah RM3.41 juta pula merupakan bayaran balik secara tunai oleh 2 Perbadanan Awam dan 2 Badan Berkanun Negeri yang diterima pada tahun 2013. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Awam	339.16	303.19	-35.97	-10.6
2.	Badan Berkanun	745.12	730.69	-14.43	-1.9
3.	Agensi Lain	3.35	3.35	0.00	0.0
	Jumlah	1,087.63	1,037.23	-50.40	-4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.2. Selain itu, pada tahun 2013 juga Kerajaan Negeri ada mengeluarkan pinjaman berjumlah RM13.12 juta kepada 2 Perbadanan Awam dan 1 Badan Berkanun Negeri. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh 5 tahun dan Pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.35** dan **Jadual 4.36**.

Jadual 4.35

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	561.80	347.70	348.52	339.16	303.19
2.	Badan Berkanun	975.73	911.07	843.99	745.12	730.69
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	27.31	12.36	1.90	0.00	0.00
4.	Agensi Lain	7.22	30.91	3.35	3.35	3.35
Jumlah		1,572.06	1,302.04	1,197.76	1,087.63	1,037.23

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.36

Pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2013

Bil.	Agensi	Baki Pinjaman 01.01.2013 (RM Juta)	Pinjaman Dikeluarkan Dalam Tahun 2013 (RM Juta)	Faedah Dipermodalkan/ (Pelarasan) (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2013 (RM Juta)
Perbadanan Awam						
1.	Perbadanan Pembangunan Borneo (Sabah) Sdn. Bhd.	0.73	5.00	0.00	0.00	5.73
2.	KKTP Sdn. Bhd.	2.80	0.00	0.11	0.00	2.91
3.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.	239.92	0.00	0.00	47.00	192.92
4.	Sawit Kinabalu Berhad	35.72	0.00	10.63	2.37	43.98
5.	Permodalan Bumiputra Sabah Bhd.	10.60	0.00	0.00	5.00	5.60
6.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	2.79	0.00	0.00	2.00	0.79
7.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	11.50	2.50	0.48	0.00	14.48
8.	Tabin Wildlife Sdn. Bhd.	0.92	0.00	0.00	0.15	0.77
9.	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	34.18	0.00	1.83	0.00	36.01
Jumlah		339.16	7.50	13.05	56.52	303.19
Badan Berkanun						
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	184.20	5.62	0.00	1.20	188.62
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	45.75	0.00	0.00	2.80	42.95
3.	Majlis Ugama Islam Sabah	99.63	0.00	0.00	0.00	99.63
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah	242.11	0.00	0.00	0.00	242.11
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	34.63	0.00	0.00	0.00	34.63
6.	Korporasi Pembangunan Desa	130.05	0.00	0.04	16.09	114.00
7.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	1.87	0.00	0.00	0.00	1.87
8.	Yayasan Usaha Maju	2.63	0.00	0.00	0.00	2.63
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	4.25	0.00	0.00	0.00	4.25
Jumlah		745.12	5.62	0.04	20.09	730.69
Agensi Lain						
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	3.19	0.00	0.00	0.00	3.19
2.	Pertubuhan Peladang – Semporna	0.12	0.00	0.00	0.00	0.12
3.	Pertubuhan Peladang – Papar	0.04	0.00	0.00	0.00	0.04
Jumlah		3.35	0.00	0.00	0.00	3.35
Jumlah Keseluruhan		1,087.63	13.12	13.09	76.61	1,037.23

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.8.1.3. Pada tahun 2013, baki tunggakan bayaran balik pinjaman telah menurun sejumlah RM60.23 juta atau 7.1% menjadi RM791.72 juta berbanding RM851.95 juta pada akhir tahun 2012 seperti di **Jadual 4.37**. Penurunan disebabkan oleh bayaran balik pinjaman pokok sejumlah RM76.61 juta dan faedah sejumlah RM15.98 juta oleh 5 Perbadanan Awam dan 4 Badan Berkanun. Analisis Audit terhadap tunggakan bayaran balik bagi tahun 2009 hingga 2013 mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun seperti ditunjukkan di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.37

Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut Tahun 2013

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 01.01.2013 (RM Juta)	Anuiti Tahun 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Sehingga Tahun 2013 (RM Juta)	Pelarasan Modal/Faedah (RM Juta)	Bayaran Balik Dalam Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Setakat 31.12.2013 (RM Juta)
Perbadanan Awam							
1.	Perbadanan Pembangunan Borneo (Sabah) Sdn. Bhd.	0.77	0.00	0.77	0.00	0.00	0.77
2.	K.K.I.P. Sdn. Bhd.	140.67	17.89	158.56	0.00	47.00	111.56
3.	Sawit Kinabalu Berhad	35.72	0.00	35.72	10.63	2.37	43.98
4.	Sabah Electricity Sdn. Bhd.	0.71	0.04	0.75	0.00	0.00	0.75
5.	Permodalan Bumiputra Sabah Bhd.	10.60	0.00	10.60	0.00	5.00	5.60
6.	Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	38.63	0.00	38.63	-12.00	2.00	24.63
7.	Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	0.00	1.06	1.06	0.00	0.00	1.06
8.	Tabin Wildlife Sdn. Bhd.	0.16	0.16	0.32	0.00	0.16	0.16
Jumlah		227.26	19.15	246.41	-1.37	56.53	188.51
Badan Berkanun							
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	206.44	2.05	208.49	1.60	1.20	208.89
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	34.07	2.19	36.26	0.00	3.02	33.24
3.	Majlis Ugama Islam Sabah	24.93	3.50	28.43	0.00	0.00	28.43
4.	Perbadanan Pinjaman Sabah	141.49	2.22	143.71	1.30	15.65	129.36
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	35.12	0.00	35.12	0.00	0.00	35.12
6.	Korporasi Pembangunan Desa	166.70	0.57	167.27	0.17	16.19	151.25
7.	Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah	2.11	0.17	2.28	0.00	0.00	2.28
8.	Yayasan Usaha Maju	1.07	0.36	1.43	0.00	0.00	1.43
9.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	0.10	0.45	0.55	0.00	0.00	0.55
Jumlah		612.03	11.51	623.54	3.07	36.06	590.55
Pihak Berkuasa Tempatan							
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	3.56	0.00	3.56	0.00	0.00	3.56
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	3.89	0.00	3.89	0.00	0.00	3.89
3.	Lembaga Bandaran Kudat	0.70	0.00	0.70	0.00	0.00	0.70
Jumlah		8.15	0.00	8.15	0.00	0.00	8.15
Agensi Lain							
1.	Koperasi Serbaguna Sanya Bhd.	3.19	0.00	3.19	0.00	0.00	3.19
2.	Kelab Lumba Kuda Diraja Sabah	1.13	0.00	1.13	0.00	0.00	1.13
3.	Pertubuhan Peladang – Semporna	0.15	0.00	0.15	0.00	0.00	0.15
4.	Pertubuhan Peladang – Papar	0.04	0.00	0.04	0.00	0.00	0.04
Jumlah		4.51	0.00	4.51	0.00	0.00	4.51
Jumlah Keseluruhan		851.95	30.66	882.61	1.70	92.59	791.72

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

Jadual 4.38**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	323.13	258.55	239.81	227.26	188.51
2.	Badan Berkanun	865.22	782.35	727.86	612.03	590.55
3.	Pihak Berkuastra Tempatan	35.46	20.51	10.05	8.15	8.15
4.	Agensi Lain	8.59	5.14	4.83	4.51	4.51
Jumlah		1,232.40	1,066.55	982.55	851.95	791.72

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Pelaburan


4.8.2.1. Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada 31 Disember 2013, Kerajaan Negeri melabur sejumlah RM6.12 bilion di 56 Perbadanan Awam dan 3 Badan Berkanun. Jumlah ini meningkat sejumlah RM857.21 juta atau 16.3% berbanding RM5.26 bilion pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertukaran pinjaman kepada ekuiti oleh KKIP Sdn. Bhd. berjumlah RM47 juta, *request for drawdown* dan tambahan ekuiti oleh Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd. masing-masing sejumlah RM21.16 juta dan RM2.12 juta, dividen sejumlah RM556.88 juta yang dilaburkan semula dalam 6 Perbadanan Awam dan 2 Badan Berkanun Negeri serta pelaburan ekuiti di 5 Perbadanan Awam berjumlah RM230.05 juta.

4.8.2.2. Pelaburan melalui Perbadanan Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri masing-masing sejumlah RM749 juta dan RM5.37 bilion. Sehingga akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima dividen berjumlah RM687.21 juta daripada 13 Perbadanan Awam dan 2 Badan Berkanun. Kerajaan Negeri juga ada menerima sejumlah RM266.18 juta ‘Tax Credit’ daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadikan keseluruhan dividen yang diterima pada tahun 2013 berjumlah RM953.39 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 dan jumlah pelaburan berbanding dividen diterima bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39** dan **Carta 4.6**. Jumlah pelaburan pada tahun 2013 adalah jumlah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.39
Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Perbadanan Awam/ Badan Berkanun	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Perbadanan Ketua Menteri						
1.	Sawit Kinabalu Berhad	549.00	549.00	549.00	549.00	645.00
2.	K.K.I.P Sdn. Bhd.	7.00	37.00	57.00	57.00	104.00
	Jumlah	556.00	586.00	606.00	606.00	749.00
Kerajaan Negeri						
1.	Perbadanan Awam (54)	2,017.70	2,199.00	2,881.95	3,788.90	4,366.11
2.	Badan Berkanun (3)	752.48	802.48	852.48	867.48	1,004.48
	Jumlah	2,770.18	3,001.48	3,734.43	4,656.38	5,370.59
	Jumlah Pelaburan	3,326.18	3,587.48	4,340.43	5,262.38	6,119.59

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Hutang Awam terdiri daripada pelbagai pinjaman dalam dan luar negeri. Ini termasuklah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Selain itu, hutang Kerajaan Negeri juga meliputi Bon Terbitan dengan nilai nominal sejumlah RM544 juta yang diterbitkan pada tahun 2010. Pada akhir tahun 2013, baki hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM2.83 bilion berbanding RM2.84 bilion pada akhir tahun 2012 iaitu penurunan sejumlah RM13.38 juta atau 0.5%. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik pokok berjumlah RM159.61 juta terhadap pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, Pembangunan Ekonomi Negeri, Bekalan Air dan Pelbagai masing-masing sejumlah RM3.51 juta, RM7.72 juta, RM86.49 juta dan RM61.89 juta. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri turut menerima pinjaman sejumlah RM146.22 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek Bekalan Air dan Pelbagai masing-masing berjumlah RM122.03 juta dan RM24.19 juta.

4.8.3.2. Selain itu, faedah yang dikenakan terhadap Bon Terbitan berjumlah RM24.85 juta setahun telah dibayar oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013. Keseluruhan faedah yang telah dibayar mulai tahun 2010 sehingga tahun 2013 adalah RM99.74 juta. Kerajaan Negeri dijangka akan menyelesaikan Bon Terbitan sepenuhnya pada tahun 2014. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40

Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	51.52	48.01	-3.51	-6.8
2.	Pembangunan Ekonomi Negeri	66.12	58.40	-7.72	11.7
3.	Bekalan Air	1,578.65	1,614.20	35.55	2.3
4.	Pelbagai	603.57	565.87	-37.70	-6.2
5.	Bon Terbitan	544.00	544.00	0.00	0.0
Jumlah		2,843.86	2,830.48	-13.38	-0.5

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.8.3.3. Analisis Audit mendapati baki hutang Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 manakala menurun secara berturutan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 seperti ditunjukkan di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41

Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	61.84	58.53	55.10	51.52	48.01
2.	Pembangunan Ekonomi Negeri	86.32	81.71	76.78	66.12	58.40
3.	Bekalan Air	1,625.44	1,735.53	1,652.68	1,578.65	1,614.20
4.	Pelbagai	602.66	684.48	641.44	603.58	565.87
5.	Bon Terbitan	0.00	544.00	544.00	544.00	544.00
Jumlah		2,376.26	3,104.25	2,970.00	2,843.87	2,830.48

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.8.3.4. Pada tahun 2013, Kerajaan telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM168.80 juta yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM159.61 juta dan faedah berjumlah RM9.19 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri berjaya mengekalkan rekod yang baik seperti tahun 2012 kerana berjaya membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.42**. Analisis perbandingan antara jumlah hutang awam berbanding baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2013 mendapati prestasi pembayaran balik pinjaman hutang awam pada tahun

2013 adalah baik. Ini disebabkan oleh baki hutang awam telah menurun sejumlah RM13.38 juta dan tiada tunggakan bayaran balik pada tahun semasa.

Jadual 4.42

Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	0.70	4.48	0.15	0.00	0.00
2.	Pelbagai	93.82	54.86	0.00	0.00	0.00
	Jumlah	94.52	59.34	0.15	0.00	0.00

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.8.4. Tunggakan Hasil

4.8.4.1. Pada akhir tahun 2013, tunggakan hasil Negeri berjumlah RM458.83 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.57 juta atau 1% berbanding tunggakan pada tahun 2012 yang berjumlah RM454.26 juta. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil pada tahun 2013 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43

Tunggakan Hasil Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Faedah Pinjaman	216.61	207.25	-9.36	-4.3
2.	Air	119.55	122.93	3.38	2.8
3.	Cukai Tanah	61.89	67.71	5.82	9.4
4.	Jualan Sarang Burung	21.03	33.02	11.99	57.0
5.	Jualan Susu Segar	22.38	22.46	0.08	0.4
6.	Cukai Pelabuhan Dan Cukai Dermaga	0.34	0.68	0.34	100.0
7	Lain-lain	12.46	4.78	-7.68	-61.6
	Jumlah	454.26	458.83	4.57	1.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.4.2. Analisis Audit mendapati, pada tahun 2013 tungggakan jualan sarang burung telah meningkat dengan ketara iaitu sejumlah RM11.99 juta atau 57%. Peningkatan ini disebabkan oleh bayaran tender dan tunggakan tender memajak dan mengutip sarang burung yang belum dibayar oleh penender sejak tahun 2000 hingga 2013. Tunggakan Cukai Pelabuhan dan Cukai Dermaga juga telah meningkat dengan ketara sejumlah RM344,493 atau 100% disebabkan oleh kegagalan Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. (LFCSB) untuk membayar Cukai Pelabuhan dan Cukai Dermaga. Kegagalan untuk membuat bayaran adalah disebabkan oleh pihak LFCSB terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi untuk membaiki kapal syarikat yang terbakar pada tahun 2010. Selain itu, peningkatan juga disebabkan oleh Caj Pentadbiran 7% ke atas perkhidmatan pemaliman yang baru dilaksanakan pada bulan Mei 2013 dan belum ada pembayaran dilakukan oleh syarikat yang menyediakan perkhidmatan pemaliman tersebut. Tunggakan Cukai Tanah pula meningkat sejumlah RM5.82 juta atau 9.4% disebabkan oleh

penguatkuasaan yang tidak dapat dijalankan sepenuhnya pada tahun 2013 di samping pengemaskinian data sewa tanah yang diambil kira pada tahun 2013. Bagaimanapun, terdapat penurunan dalam tunggakan hasil Faedah Pinjaman sejumlah RM9.36 juta atau 4.3%. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik faedah pinjaman oleh 4 Perbadanan Awam dan 2 Badan Berkanun berjumlah RM15.98 juta pada tahun 2013.

4.8.4.3. Tunggakan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan tunggakan hasil telah meningkat pada tahun 2010, 2011 dan 2013 manakala menurun hanya pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.44**.

Jadual 4.44
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2009 Hingga Tahun 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Faedah Pinjaman	270.07	277.78	291.00	216.61	207.25
2.	Air	128.79	122.26	117.97	119.55	122.93
3.	Cukai Tanah	50.61	53.90	74.90	61.89	67.71
4.	Jualan Sarang Burung	12.16	10.23	12.49	21.06	33.02
5.	Susu Segar	10.78	17.63	21.10	22.38	22.46
6.	Lain-lain Hasil	14.73	15.11	12.23	12.77	5.46
Jumlah		487.14	496.91	529.69	454.26	458.83

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

4.8.4.4. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan hapus kira tunggakan hasil sejumlah RM7.51 juta berbanding sejumlah RM1.15 juta pada tahun 2012. Tunggakan hasil yang dihapus kira tersebut merupakan pungutan tol Jalan Keningau Kimanis yang tertunggak sejak tahun 1998.

4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.9.1. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah masih baik walaupun mengalami penurunan sejumlah RM320.80 juta atau 12.6% daripada RM2.66 bilion pada tahun 2012 menjadi RM2.22 bilion pada tahun 2013.

4.9.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus pada tahun 2013 sejumlah RM24.51 juta menjadikan baki terkumpul meningkat 0.7% kepada RM3.64 bilion pada tahun 2013. Kutipan hasil menurun sejumlah RM19.76 juta atau 0.5% menjadi RM4.34 bilion pada tahun 2013, manakala perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM238.06 juta menjadi RM4.32 bilion. Jumlah pelaburan telah meningkat menjadi RM8.24 bilion pada tahun 2013. Pelaburan dalam simpanan tetap telah memberi pulangan faedah sejumlah RM105.63 juta. Manakala pelaburan di Perbadanan Awam dan Badan Berkanun telah memberikan pulangan dividen sejumlah RM953.39 juta pada tahun 2013. Tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pula telah menurun sejumlah RM60.23 juta atau 7.1% menjadi RM791.72 juta pada tahun 2013 berbanding RM851.95 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013 juga, Kerajaan Negeri tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan

Persekutuan. Selain itu, tunggakan hasil telah meningkat sejumlah RM4.57 juta atau 1% menjadi RM458.83 juta pada tahun 2013.

4.9.3. Kerajaan Negeri hendaklah berusaha untuk mengutip tunggakan hasil yang berjumlah RM458.83 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM791.72 juta pada tahun 2013. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Sabah untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sabah.

5.1.1. Mulai RMKe-10, penyediaan rancangan pembangunan Negeri adalah menggunakan sistem *Rolling Plan* (RP) di mana setiap RP meliputi 2 tahun perancangan. RP3 RMKe-10 dibuat setelah mengkaji semula program dan projek yang diluluskan dalam RP2 (2012-2013). Pada tahun 2013, peruntukan sejumlah RM1.30 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diagihkan kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan 6,243 projek pembangunan seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan
Di Bawah Rolling Plan 3 (2013-2014), RMKe-10

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan Tahun 2013 (RM Juta)	Projek (Bil)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	604.59	164
2.	Jabatan Ketua Menteri	233.76	776
3.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	193.57	154
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	103.92	5,022
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	41.26	26
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	32.20	44
7.	Kementerian Belia Dan Sukan	31.60	11
8.	Kementerian Kewangan	27.00	2
9.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	18.03	25
10.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	8.50	13
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	6.92	6
Jumlah		1,301.35	6,243

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.1.2. Sejumlah RM1.07 bilion atau 82.5% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2013. Sebanyak 5 Kementerian/Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80%. Prestasi perbelanjaan bagi 6 Kementerian yang lain adalah antara 29.5% hingga 71%. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RP3 RMKe-10 bagi tahun 2013 yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah *Rolling Plan 3 (2013-2014)*,
RMKe-10 Pada Tahun 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan Tahun 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Tahun 2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	604.59	492.33	81.4
2.	Jabatan Ketua Menteri	233.76	220.98	94.5
3.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	193.57	175.39	90.6
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	103.92	92.67	89.2
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	41.26	12.19	29.5
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	32.20	14.09	43.8
7.	Kementerian Belia Dan Sukan	31.60	28.24	89.4
8.	Kementerian Kewangan	27.00	16.43	60.9
9.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	18.03	12.08	67.0
10.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	8.50	4.60	54.1
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	6.92	4.91	71.0
Jumlah		1,301.35	1,073.91	82.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.1.3. Di bawah RP3 (2013-2014), RMKe-10 sebanyak 6,243 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan. Daripada jumlah itu, sebanyak 5,908 projek atau 94.6% telah siap dilaksanakan, sebanyak 264 projek atau 4.2% sedang dilaksanakan dan 71 projek atau 1.2% belum dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek pada akhir tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.


Jadual 5.3

Status Pelaksanaan Projek *Rolling Plan 3 (2013-2014)*, RMKe-10 Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Status Pelaksanaan Projek			Jumlah
		Siap Sebenar	Sedang Dilaksanakan	Belum Laksana	
1.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5,022	-	-	5,022
2.	Jabatan Ketua Menteri	776	-	-	776
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	53	87	24	164
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	30	114	10	154
5.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	4	17	23	44
6.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	12	11	3	26
7.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	4	14	7	25
8.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	2	9	2	13
9.	Kementerian Belia Dan Sukan	5	5	1	11
10.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	-	5	1	6
11.	Kementerian Kewangan	-	2	-	2
Jumlah		5,908	264	71	6,243

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

Carta 5.1
Status Pencapaian Projek RP3 (2013-2014), RMKe-10
Sehingga 31 Disember 2013



5.1.4. Antara projek terbesar yang belum mula dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Projek Belum Mula Tahun 2013

Bil.	Nama Projek	Siling Peruntukan RMKe-10 <i>Rolling Plan 3</i> (2013-2014) (RM Juta)	Sebab Belum Mula
1.	Pembinaan Jambatan Pekan Tuaran-Sg. Damit, Jambatan Pekan Tuaran, Tamparuli.	3.00	Tawaran pembinaan hanya diterima pada akhir tahun.
2.	Projek Pembaikan Cerun di Jalan Shantung, Penampang Km 0.85.	2.05	Kelulusan untuk tender belum diperolehi daripada Lembaga Tender.
3.	Projek Pembaikan Cerun di Jalan Golf Club Hotspring, Tawau KM0.19.	2.00	Kelulusan untuk tender belum diperolehi daripada Lembaga Tender.
4.	Projek Cadangan Pembinaan Kompleks Sukan Tamparuli.	1.88	Dalam proses permohonan dan kelulusan tapak.
5.	Projek Pusat Pengeluaran Cendawan Kawasan Moyog.	1.00	Kelulusan daripada Jabatan Tanah Dan Ukur belum diperolehi mengenai penggunaan tanah di kawasan Moyog.

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

6. PAKEJ RANSANGAN EKONOMI

6.1. Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM150 juta di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE2) untuk projek infrastruktur. Peruntukan RM150 juta ini adalah bagi tempoh 2 tahun iaitu tahun 2009 dan 2010. Kerajaan Negeri Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM167.50 juta untuk membiayai 11 projek di bawah PRE2 seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1**Pencapaian Perbelanjaan Pakej Ransangan Ekonomi Kedua Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek Diluluskan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	2	150.00	142.11	94.7
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	9	17.50	17.50	100.0
Jumlah		11	167.50	159.61	95.3

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

6.2. Analisis Audit terhadap pencapaian Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE2) sehingga 31 Disember 2013 mendapati semua 11 projek yang dilaksanakan melalui PRE2 ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan yang digunakan adalah berjumlah RM159.61 juta iaitu 95.3% daripada peruntukan yang diluluskan.

7. GERAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN DI BAWAH RM1 BILION

7.1. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan untuk menyalurkan geran peruntukan sejumlah RM250.00 juta di bawah Geran Peruntukan Persekutuan Di Bawah RM1 Bilion kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Bagi memastikan peruntukan ini dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Kewangan Negeri Sabah diberi tanggungjawab memantau pelaksanaan projek di bawah peruntukan ini. Secara keseluruhannya, sebanyak 67 projek telah diluluskan di bawah geran peruntukan ini. Bagaimanapun, 3 projek telah digugurkan kerana telah dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri menjadikan bilangan sebenar projek yang dilaksanakan sebanyak 64 projek. Peruntukan sebenar yang diluluskan berjumlah RM252.90 juta. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah RM224.55 juta atau 88.8% daripada peruntukan diluluskan telah dibelanjakan seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1

Peruntukan Dan Perbelanjaan Geran Peruntukan Persekutuan Di Bawah RM1 Bilion Negeri Sabah Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek Diluluskan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri – Bahagian Pengurusan Kewangan	5	13.10	13.09	99.9
2.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	3	22.78	22.44	98.5
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	28	159.40	131.12	82.3
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	3	7.00	6.90	98.6
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	3	7.45	7.79	104.6
6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	2	11.90	12.33	103.6
7.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	5	4.42	4.37	98.9
8.	Kementerian Belia Dan Sukan	10	21.45	21.36	99.6
9.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	8	5.40	5.15	95.4
Jumlah		67	252.90	224.55	88.8

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

7.2. Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 63 projek atau 98.4% daripada 64 projek yang diluluskan telah siap sepenuhnya. Sebanyak 1 projek di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna sedang dalam pelaksanaan. Butiran lanjut pencapaian pelaksanaan projek fizikal mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 7.2.**

Jadual 7.2**Peruntukan Dan Perbelanjaan Geran Peruntukan Persekutuan Di Bawah RM1 Bilion Negeri Sabah Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek				
		Jumlah Projek			Siap Sebenar	Sedang Dilaksana
		Asal	Gugur	Sebenar		
1.	Jabatan Ketua Menteri – Bahagian Pengurusan Kewangan	5	0	5	5	0
2.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	3	0	3	3	0
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	28	3	25	25	0
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	3	0	3	3	0
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	3	0	3	2	1
6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	2	0	2	2	0
7.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	5	0	5	5	0
8.	Kementerian Belia Dan Sukan	10	0	10	10	0
9.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	8	0	8	8	0
Jumlah		67	3	64	63	1

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

7.3. Analisis Audit mendapati satu projek yang sedang dilaksanakan adalah Projek Pembinaan Perpustakaan Kota Belud. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna, prestasi fizikal projek tersebut adalah 98%. Projek tersebut tidak dapat disiapkan pada penghujung tahun 2013 disebabkan peruntukan tidak mencukupi untuk kos utiliti seperti SESB *Contribution* dan pembayaran kepada Jabatan Air. Oleh itu, Kementerian telah memohon peruntukan sejumlah RM1.15 juta daripada Kementerian Kewangan untuk menampung kos utiliti tersebut pada bulan Oktober 2013.

8. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan *Rolling Plan 3* (2013-2014), RMKe -10 adalah baik di mana sejumlah RM1.07 bilion atau 82.5% daripada peruntukan sejumlah RM1.30 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2013. Selain itu, sebanyak 5,908 projek atau 94.6% daripada 6,243 projek telah siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua adalah baik kerana sejumlah RM159.61 juta daripada RM167.50 juta atau 95.3% telah dibelanjakan dan keseluruhan 11 projek telah siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah Peruntukan RM1 Bilion juga adalah baik. Pada akhir tahun 2013, sejumlah RM224.55 juta daripada RM252.90 juta atau 88.8% daripada peruntukan telah dibelanjakan dan 63 atau 98.4% daripada 64 keseluruhan projek siap dilaksanakan.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

9. PENDAHULUAN

9.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan adalah berkesan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

9.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

10. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2013, beberapa usaha berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Langkah yang diambil antaranya adalah seperti berikut:

10.1. Menaik taraf '*State Company Information System*' (SIS) Versi 3.0 yang bercirikan 'Web Based Application' bagi memudahkan capaian terhadap sistem. SIS merupakan pangkalan data berpusat bagi merekodkan maklumat am, prestasi dan kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri, Agenzi Negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri.

10.2. Mempelbagai usaha untuk meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri melalui penubuhan Jawatankuasa dan tindakan seperti berikut:

10.2.1. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kutipan dan Pengurangan Tuggakan Sewa Tanah di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur;

10.2.2. Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana Kutipan Dan Pengurusan Tuggakan Sewa Tanah yang dianggotai oleh semua Penolong Pemungut Hasil Tanah;

10.2.3. Pengemaskinian data cukai tanah;

10.2.4. Membuat kajian semula terhadap cukai jualan oleh *Ernst & Young*; dan

10.2.5. Menyemak semula kadar cukai jualan negeri, levi (sumber tanah) dan kadar-kadar hasil yang lain.

10.2.6. Meningkatkan kecekapan pegawai/kakitangan dalam bidang pengurusan kewangan melalui bimbingan khusus secara *Hands-On* dengan kerjasama Jabatan Audit Negara Negeri Sabah. Sebanyak 17 Kementerian/Jabatan/Agenzi yang telah diberi bimbingan khusus sepanjang tahun 2013.

11. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri serta Agenzi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi terhadap tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 11.1.1.** Struktur dan sistem pengurusan kewangan adalah berkesan.
- 11.1.2.** Sistem kawalan dalaman adalah berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- 11.1.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 11.1.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

11.2. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2013, pengauditan telah dijalankan di 34 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Bendahari Negeri, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri bagi tahun 2012 untuk menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

11.3. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 22 Kementerian/Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Kementerian Kewangan Negeri, Jabatan Bendahari Negeri dan 15 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

11.3.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menilai sama ada struktur pengurusan kewangan adalah berkesan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanannya Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

11.3.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskini. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan Pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

11.3.1.2. Sistem Dan Prosedur

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan sistem dan prosedur yang teratur seperti berikut:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309, Perkara 337 hingga 339 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam dan Perkara 66 Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan bagi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Negeri dan 4 kali setahun bagi Pihak Berkuasa Tempatan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang,

setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

11.3.1.3 Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa tersebut berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan antaranya adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 1998 dan Bil. 12 Tahun 2010 menetapkan, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 dan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah, 1961 (Pindaan Tahun 2007) Bab XVII menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Di Negeri Sabah, Kementerian Kewangan Negeri menukuhkan Unit Audit

Dalam yang menjalankan pemeriksaan dan mengesan sebarang masalah yang berkaitan dengan kewangan serta pelaksanaan peraturan bagi tujuan penambahbaikan terhadap semua Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 4 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

d. Pengurusan Sumber Manusia

Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

11.3.2. Kawalan Bajet

Bagi menilai sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

11.3.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 2011 (Cadangan Dan Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, 2012-2013) dan surat arahan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah bertarikh 21 Februari 2011 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2012 Dan 2013 berhubung Perbelanjaan Pembangunan). Bagi Agensi Negeri pula, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah berdasarkan Enakmen dan Arahan Kewangan masing-masing. Selain itu, AP

29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet kepada pihak berkuasa berkenaan.

11.3.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lainnya menetapkan Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

11.3.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

11.3.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Maklumat Projek Negeri [*State Project Information System (SPIN)*] atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

11.3.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta Laporan Suku Tahunan. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

11.3.3. Kawalan Terimaan

Bagi menilai sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

11.3.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

11.3.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

11.3.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

11.3.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi menilai peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

11.3.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

11.3.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menilai sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

11.3.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan atau peraturan kewangan bagi Agenzi Negeri.

11.3.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

11.3.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

11.3.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit

telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah seperti berikut:

11.3.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

11.3.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4 Tahun 1997 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 2 Tahun 2010.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.1 Tahun 2009 dan Bil. 1 Tahun 2013.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

11.3.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

11.3.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan/Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

11.3.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

11.3.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

11.3.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

11.3.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah

dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/ penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/ Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Pegawai Kewangan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 menetapkan Ketua Jabatan perlu melantik seorang pegawai untuk mengurus kenderaan Jabatan. Tugas dan tanggungjawab pegawai kenderaan antaranya ialah memastikan Jabatan mempunyai sistem perekodan dan pengurusan *fleet* kenderaan yang kemas dan teratur.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 menyatakan peraturan dan kawalan penggunaan bahan api sama ada melalui kad inden atau secara pukal. Bagi tujuan kawalan, kad inden perlu sentiasa disimpan oleh pegawai kenderaan dan diserahkan kepada pemandu sekiranya ada keperluan mengisi minyak. Buku pergerakan kad inden minyak perlu diselenggara mengikut format dan sentiasa di kemas kini. Kerajaan Negeri Sabah menggunakan *Petrol, Oil And Lubricant (P.O.L Requisition)* untuk pembelian bahan api daripada Jabatan Kerja Raya. Oleh itu, Daftar P.O.L *Requisition* perlu disediakan untuk merekod pergerakannya dan sebagai kawalan terhadap pengambilan minyak.

11.3.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi menilai aset disenggarakan dengan baik oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri, semakan Audit dijalankan terhadap perkara berikut:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

11.3.6.6. Pelupusan

Pelupusan aset hendaklah diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 3 tahun 2013. Oleh itu, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Pelupusan aset termasuk e-waste berkaitan ICT perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pelupusan e-waste perlu dilaksanakan melalui Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.
- d. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

11.3.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Kehilangan dan hapus kira aset perlu diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bil. 8/2010. Oleh itu, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan

dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

11.3.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

11.3.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

11.3.9. Penyata Kewangan

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 14 Tahun 2009 menetapkan penyerahan penyata kewangan bagi Agensi Negeri adalah pada atau sebelum 30 Jun tahun berikutnya. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1961 pindaan tahun 2007, Perkara 272(a) pula menetapkan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

11.4.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2013. Sebanyak 20 daripada 38 Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit mendapat tahap penarafan sangat baik, 15 Kementerian/Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap baik dan 3 Jabatan/Agensi lain berada pada tahap memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 11.2**. Manakala tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 11.1**.

Jadual 11.2


**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2013**

Tahap Penarafan	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri						
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	-	3	5	3	6	9	20
Baik	9	7	27	24	21	23	15
Memuaskan	6	8	6	8	7	7	3
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	15	18	38	35	34	39	38

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Carta 11.1


**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2013**



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

11.4.2.1. Semakan Audit di 22 Kementerian/Jabatan Negeri mendapati secara umumnya Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan berada pada tahap sangat baik dan 3 kawalan berada pada tahap baik iaitu Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Pengurusan dan Kawalan Amanah Dan Deposit. Penekanan lebih serius perlu diberi kepada Pengurusan Aset Dan Stor yang berada pada tahap memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan seperti di **Carta 11.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1) Tujuh Kementerian/Jabatan tidak terlibat dengan Kawalan Terimaan.

2) Satu Kementerian tidak terlibat dengan pengurusan Akaun Amanah dan Deposit.

11.4.2.2. Secara keseluruhannya, masih terdapat Kementerian/Jabatan Negeri di mana Kawalan Pengurusan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor masih berada pada tahap tidak memuaskan. Kelemahan – kelemahan yang ditemui antaranya adalah seperti berikut:

a. **Kawalan Pengurusan**

- i. Manual Prosedur Kerja tidak disediakan.
- ii. Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- iii. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun yang ditubuhkan tidak bermesyuarat mengikut ketetapan.

- iv. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang ditubuhkan tidak bermesyuarat mengikut ketetapan.
- v. Rancangan terhadap latihan kepada kakitangan tidak disediakan. Terdapat pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan tidak menghadiri kursus kewangan sejak tahun 2008.


b. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

- i. Buku Daftar Akaun Amanah tidak diselenggara.
- ii. Penyata Penyesuaian Amanah tidak tepat.
- iii. Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggara dengan kemas kini.
- iv. Rekod pinjaman kenderaan tidak dikemas kini dalam Buku Perkhidmatan.
- v. Pendahuluan diri tidak dibayar balik dalam tempoh yang ditetapkan.
- vi. Daftar Pendahuluan (Pelbagai) tidak disediakan dengan kemas kini.
- vii. Daftar Deposit tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- viii. Senarai baki pendeposit tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

c. Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Unit Pengurusan Aset belum ditubuhkan.
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan belum ditubuhkan.
- iii. Aset dan stor masih direkod menggunakan borang lama.
- iv. Pemeriksaan aset tidak dijalankan.
- v. Pegawai kenderaan tidak dilantik.
- vi. Kerosakan aset tidak dilaporkan menggunakan KEW. PA – 9.
- vii. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan tidak direkod dalam KEW.PA-13.
- viii. Penyenggaraan harta modal tidak direkod dalam KEW.PA-14.
- ix. Lembaga Pelupusan Aset tidak dilantik.

11.4.2.3. Analisis Audit terhadap Jabatan Bendahari Negeri dan 15 Agensi Negeri mendapati Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pelaburan dan Penyata Kewangan berada pada tahap sangat baik manakala 4 kawalan yang lain berada pada tahap baik seperti di **Carta 11.3**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1) Satu Agensi tidak terlibat dengan pengurusan Akaun Amanah dan Deposit.

2) Lima Agensi tidak terlibat dengan pelaburan.

3) Sebelas Agensi tidak terlibat dengan pengurusan pinjaman.

11.4.2.4. Kelemahan – kelemahan yang ditemui antaranya adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Mesyuarat penuh Ahli Majlis tidak mematuhi kekerapan/bilangan yang ditetapkan.
- ii. Fail Meja dan Manual prosedur Kerja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.
- iv. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun belum ditubuhkan.
- v. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan belum ditubuhkan.

- vi. Program/latihan kepada kakitangan tidak dirancang.
- vii. Penurunan kuasa bagi penetapan had bayaran, tandatangan cek serta semakan Buku Tunai tidak dibuat.

b. Kawalan Perbelanjaan

- ii. Buku Vot tidak diselenggara.
- iii. Perbelanjaan tidak dipertanggung dalam Buku Vot.
- iv. Baucar Bayaran tiada pesanan tempatan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum perbelanjaan dilakukan.
- v. Daftar Sebut Harga tidak diselenggara.
- vi. Perolehan tidak dibuat melalui sebut harga/tender.
- vii. Bil lewat dijelaskan melebihi tempoh 14 hari dan tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab.

a. Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak ditubuhkan.
- ii. Laporan Tahunan berkaitan aset masih direkod menggunakan borang lama.
- iii. Aset masih direkod menggunakan borang lama.
- iv. Aset dan inventori tidak didaftarkan dengan nombor siri pendaftaran dan ditanda dengan ‘Hak Milik Kerajaan’.
- v. Pemeriksaan aset tidak dijalankan pada tahun 2013.
- vi. Kerosakan aset tidak dilapor dalam KEW. PA – 9.
- vii. Pegawai kenderaan tidak dilantik secara bertulis.
- viii. Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak direkod dalam KEW.PA-13.
- ix. Penyenggaraan harta modal tidak direkod dalam KEW.PA-14.
- x. Laporan awal berhubung kehilangan aset tidak disediakan.
- xi. Tindakan pelupusan tidak diambil terhadap aset yang rosak.

b. Pengurusan Pinjaman

- i. Baki pinjaman dengan Kerajaan Negeri tidak dapat disahkan disebabkan rekod kewangan berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- ii. Daftar Pinjaman tidak dikemas kini.

c. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Penyata Kewangan Yang Disatukan tidak mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) mengenai Penyata Kewangan Disatukan dan Pelaburan Subsidiari.
- ii. Penyata Kewangan tidak dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- iii. Penyata Kewangan mendapat Sijil Berteguran.

11.4.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri

11.4.3.1. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 4 Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun.


11.4.3.2. Analisis Audit mendapati Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap sangat baik untuk tempoh 6 tahun berturutan iaitu bagi tempoh 2008 hingga 2013. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah yang mula diaudit pada tahun 2011 juga telah mengekalkan tahap pengurusan kewangan sangat baik untuk tempoh 3 tahun berturutan.

11.4.3.3. Prestasi pengurusan kewangan di Majlis Ugama Islam Sabah pada tahun 2013 kekal pada tahap memuaskan seperti tahun 2012. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di Majlis Ugama Islam Sabah bagi tempoh 7 tahun iaitu 2007 hingga 2013 adalah memuaskan. Majlis Ugama Islam Sabah hanya mendapat penarafan baik pada tahun 2009 dan 2011. Manakala pada tahun 2007, 2008, 2010, 2012 dan 2013, tahap pengurusan kewangan adalah memuaskan. Semakan Audit mendapati kelemahan yang ketara dalam pengurusan penyata kewangan dan pinjaman yang menyebabkan prestasi pengurusan kewangan telah menurun.

11.4.3.4. Prestasi pengurusan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) pada tahun 2013 telah meningkat kepada tahap sangat baik berbanding tahap baik pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi SEDCO untuk tempoh 7 tahun iaitu bagi tahun 2007 hingga 2013 adalah baik.

Pencapaian terbaik pengurusan kewangan SEDCO adalah pada tahun 2008 dan 2013 di mana telah diberi penarafan sangat baik.

11.4.3.5. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan Bendahari Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 11.4.**



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.3.6. Pengauditan pengurusan kewangan di 31 Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2013 merupakan pengauditan kali kedua yang dilaksanakan sejak tahun 2010. Manakala 3 Agensi iaitu Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah, Majlis Daerah Pitas dan Majlis Daerah Putatan diaudit buat kali pertama pada tahun 2013. Analisis Audit mendapati Jabatan Perhutanan Sabah dan Majlis Daerah Papar berjaya mengekalkan pengurusan kewangan yang cemerlang pada tahun 2013. Sebanyak 14 Kementerian/Jabatan/Agensi pula menunjukkan prestasi cemerlang kerana berjaya mencapai tahap pengurusan kewangan sangat baik pada tahun 2013 berbanding tahap baik dan memuaskan pada tahun 2010. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan

Pelaburan Sabah juga berjaya memperolehi tahap pengurusan kewangan sangat baik walaupun pertama kali diaudit pada tahun 2013.


11.4.3.7. Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Pejabat Daerah Semporna dan Yayasan Sabah didapati berjaya meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dari memuaskan pada tahun 2010 kepada prestasi baik pada tahun 2013. Sebanyak 5 Kementerian/Jabatan mengekalkan tahap pengurusan kewangan yang baik pada tahun 2013 dengan peningkatan skor markah berbanding tahun 2010. Manakala 6 Jabatan/Agensi lain turut mengekalkan prestasi baik tetapi menunjukkan penurunan dalam skor markah yang diperolehi pada tahun 2013.

11.4.3.8. Prestasi pengurusan kewangan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah menurun daripada tahap baik pada tahun 2010 kepada memuaskan pada tahun 2013.

11.4.3.9. Selain itu, Majlis Daerah Pitas dan Majlis Daerah Putatan yang diaudit buat pertama kali pada tahun 2013 masing-masing diberi penarafan baik dan memuaskan.

11.4.3.10. Antara sebab Kementerian/Jabatan/Agensi tidak memperoleh tahap prestasi sangat baik kerana Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor masih mempunyai banyak kelemahan. Kementerian/Jabatan/Agensi dilihat masih tidak dapat mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5/2007 berhubung pengurusan aset Kerajaan. Selain itu, Penyata Kewangan bagi tahun 2012 tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh ditetapkan dan penyata kewangan diberi Sijil Berteguran menyebabkan Agensi tidak mendapat prestasi sangat baik. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi tahun 2013 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Carta 11.5**.

Carta 11.5
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2013
Berbanding Tahun 2010.



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.5. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 13 Jabatan Negeri seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Jabatan/Agenzi Negeri Yang Dijalankan
Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013

Bil.	Jabatan Negeri
1.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kuala Penyu
2.	Jabatan Perikanan, Kota Belud
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Tawau
4.	Jabatan Air Daerah Lahad Datu
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Tambunan
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Kuala Penyu
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Putatan
8.	Jabatan Perikanan, Papar
9.	Stesen Keretapi Beaufort, Jabatan Keretapi Negeri Sabah
10.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Beaufort
11.	Jabatan Perikanan, Kuala Penyu
12.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah Penampang
13.	Jabatan Air Daerah Kunak

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.5.1. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan atau ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3

Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Isu Audit
1.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kuala Penyu	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai yang bertanggungjawab memegang kunci peti besi tidak mempunyai surat kuasa. • Pemeriksaan mengejut tiada dilakukan sejak tahun 2011. • Daftar setem tidak diselenggara.
2.	Jabatan Perikanan, Kota Belud	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai menerima hasil tidak diberi kuasa secara bertulis. • Pegawai yang menyelenggara Buku Tunai tidak diberi kuasa secara bertulis.
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Tawau	<ul style="list-style-type: none"> • Resit lewat dikeluarkan. • Kutipan hanya direkod ke dalam Buku Tunai pada keesokan hari. • Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri adalah betul. • Rekod tidak disahkan oleh ketua pejabat. • Pegawai yang memegang kunci tidak diberi kuasa secara bertulis oleh ketua Jabatan. • Tidak ada pemeriksaan mengejut dilakukan oleh Ketua Jabatan. • Perolehan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan.
4.	Jabatan Air Daerah Lahad Datu	<ul style="list-style-type: none"> • Daftar Mel tidak diselenggara. • Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan.
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Tambunan	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah kutipan tidak di bankkan segera kerana jumlah kutipan adalah kecil. Kutipan akan diserahkan kepada MUIS pada penghujung tahun. • Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. • Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam laci di mana peti besi tidak digunakan. • Tiada Daftar Buku Resit disediakan • Kunci dipegang dan disimpan oleh pegawai yang sama. • Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan.
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Kuala Penyu	<ul style="list-style-type: none"> • Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera – kutipan terakhir yang direkodkan adalah pada 31.12.2012. • Kutipan tidak dibankkan segera di mana kutipan hanya diserahkan ke MUIS dalam tempoh 2 hingga 3 bulan. • Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. • Kutipan yang tidak sempat dibankkan hanya disimpan di laci sahaja. • Baki stok resit tidak sama dengan baki sebenar kerana terdapat resit yang tidak didaftarkan. • Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terimaian lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal. • Kunci peti besi hanya dipegang oleh seorang pegawai dan tiada surat penurunan kuasa diberikan.
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Putatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kutipan hasil tidak direkodkan dengan segera ke dalam Buku Tunai. • Hasil kutipan berjumlah RM6,446.00 tidak diserahkan kepada MUIS dalam tempoh 9 bulan (Ogos 2012 hingga Mei 2013).

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Isu Audit
		<ul style="list-style-type: none"> • Daftar Borang Hasil tidak disediakan. • Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri adalah betul. • Stok resit yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi. • Pegawai yang memungut hasil tidak diberi kuasa secara bertulis. • Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan. • Jumlah wang kutipan berbeza dengan rekod sejumlah RM287.10 di mana wang kutipan berjumlah RM6,158.90 berbanding rekod sejumlah RM6,446.
8.	Jabatan Perikanan, Papar	<ul style="list-style-type: none"> • Setakat tarikh pengauditan 31 Julai 2013, Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan bagi tahun 2013.
9.	Stesen Keretapi Beaufort, Jabatan Keretapi Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan.
10.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Beaufort	<ul style="list-style-type: none"> • Kutipan hasil tidak direkodkan segera ke dalam Buku Tunai. • Daftar Borang Hasil tidak disediakan. • Pegawai yang memungut hasil tidak diberi kuasa secara bertulis. • Kunci dan kombinasi peti besi hanya di pegang oleh seorang pegawai sahaja dan tidak diberikan kuasa secara bertulis. • Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan. • Jumlah wang kutipan berbeza dengan rekod sejumlah RM323 di mana wang kutipan berjumlah RM9,725 berbanding rekod sejumlah RM9,402.
11.	Jabatan Perikanan, Kuala Penyu	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah kutipan tidak dimasukkan ke bank dengan segera. • Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat.(Kunci peti besi telah hilang sebelum tahun 2008). • Pemeriksaan Mengejut tiada dilakukan sejak tahun 2011.
12.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah Penampang	<ul style="list-style-type: none"> • Slip bank/penyata pemungut tidak disemak. • Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. • Baki stok resit berbeza dengan daftar resit. • Semua stok resit rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan hanya disimpan di bilik server sahaja. • Perwakilan kuasa masih menggunakan Ketua Jabatan yang telah berpencen. • Peti besi tidak mempunyai anak kunci dan mudah alih. • Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan.
13.	Jabatan Air Daerah Kunak	<ul style="list-style-type: none"> • Semakan terhadap jumlah kutipan deposit, Daftar Borang Hasil dan baki stok resit tidak dapat dilakukan kerana pegawai bercuti. • Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak dikemukakan. • Anak kunci peti besi/bilik kebal dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan tidak dikemukakan semasa pengauditan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

12. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah sangat baik. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini. Oleh itu, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

12.1. Bagi membolehkan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

12.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan. Oleh itu, Unit Audit Dalam perlu dimantapkan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

12.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan pengurusan kewangan.

12.4. Tindakan surcaj/tata tertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang tidak melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

12.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

13. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

13.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 44 Agensi Negeri iaitu 20 Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah serta 24 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah selaras dengan kehendak Akta Audit 1957. Daripada jumlah tersebut, pengauditan bagi 18 Badan Berkanun Negeri dan 21 Pihak Berkuasa Tempatan telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Lantikan Firma Audit Swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Manakala pengauditan penyata kewangan Majlis Ugama Islam Sabah, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah, Majlis Daerah Kunak, Majlis Daerah Beluran dan Majlis Daerah Pitas dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri.

13.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

13.2.1. Mengikut undang-undang tubuh Badan Berkanun Negeri berkenaan, Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh 6 bulan selepas penutupan akaun tahunan selaras dengan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.14 Tahun 2009. Manakala Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya mengikut Pindaan Arahan Kewangan PBT 1961 dan Pindaan Tahun 2007 bertarikh 16 April 2009.

13.2.2. Setakat 30 Jun 2014, sebanyak 6 penyata kewangan termasuk Majlis Ugama Islam Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 serta 2 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 belum diserahkan untuk pengauditan. Butiran lanjut kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi setakat 30 Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 13.1** dan **Jadual 13.2**.

Jadual 13.1

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Tahunan Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam Sabah Dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah Setakat 30 Jun 2014

Bil.	Akaun	Penyata	
		Tahun	Tarikh
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2013	02.04.2014
2.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2013	08.04.2014
3.	Yayasan Tun Fuad	2013	25.04.2014
4.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	2013	29.04.2014
5.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2013	29.04.2014
6.	Lembaga Industri Getah Sabah	2013	29.04.2014
7.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	2013	30.04.2014
8.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2013	22.05.2014
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2013	29.05.2014
10.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2013	25.06.2014
11.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	2013	25.06.2014
12.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2013	27.06.2014
13.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2013	30.06.2014
14.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	2013	30.06.2014
15.	Lembaga Pelancongan Sabah	2013	BT
16.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	2013	BT
17.	Yayasan Sabah	2013	BT
18.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah	2013	BT
19.	Majlis Ugama Islam Sabah	2013	BT
20.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2013	BT

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: BT – Belum Terima

Jadual 13.2

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 30 Jun 2014

Bil.	Akaun	Penyata	
		Tahun	Tarikh
1.	Majlis Perbandaran Tawau	2013	03.01.2014
2.	Majlis Daerah Tenom	2013	16.01.2014
3.	Majlis Daerah Tambunan	2013	17.01.2014
4.	Majlis Daerah Ranau	2013	25.02.2014
5.	Majlis Daerah Penampang	2013	17.03.2014
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2013	19.03.2014
7.	Majlis Daerah Keningau	2013	20.03.2014
8.	Majlis Daerah Semporna	2013	24.03.2014
9.	Majlis Daerah Nabawan	2013	04.04.2014
10.	Majlis Daerah Putatan	2013	10.04.2014
11.	Majlis Daerah Beluran	2013	24.04.2014
12.	Majlis Daerah Kunak	2013	24.04.2014
13.	Majlis Daerah Lahad Datu	2013	25.04.2014
14.	Majlis Perbandaran Sandakan	2013	28.04.2014
15.	Lembaga Bandaran Kudat	2013	29.04.2014
16.	Majlis Daerah Papar	2013	29.04.2014
17.	Majlis Daerah Pitas	2013	29.04.2014
18.	Majlis Daerah Sipitang	2013	29.04.2014
19.	Majlis Daerah Tuaran	2013	29.04.2014
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	2013	06.05.2014
21.	Majlis Daerah Kinabatangan	2013	15.05.2014
22.	Majlis Daerah Kota Belud	2013	22.05.2014
23.	Majlis Daerah Beaufort	2013	BT
24.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2013	BT

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: BT – Belum Terima

13.2.3. Kelewatan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri adalah berpunca daripada masalah penyesuaian penyata bank dan perbezaan rekod yang menyebabkan akaun akhir tidak dapat disediakan. Perbezaan rekod perlu dikenal pasti dengan segera agar penyata kewangan boleh dimuktamadkan dan dikemukakan untuk pengauditan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan penyerahan penyata kewangan lazimnya disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan yang berkemahiran dalam penyediaan penyata kewangan.

13.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian. Kedudukan persijilan penyata kewangan bagi Agensi di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

13.3.1. Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam Sabah Dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah

13.3.1.1. Sehingga 30 Jun 2014, sebanyak 19 penyata kewangan tahun 2012 dan 2013 bagi Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah telah disijilkan yang melibatkan 17 Sijil Tanpa Teguran dan 2 Sijil Berteguran. Perkara yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran antaranya adalah seperti berikut:

- a. Penyatuan penyata kewangan kumpulan tidak disediakan;
- b. Penyata kewangan atau akaun pengurusan syarikat bersekutu tidak disediakan untuk menjelaskan kerugian rosot nilai yang dinyatakan dalam penyata kewangan agensi;
- c. Persembahan Penyata Aliran Tunai tidak mematuhi piawaian;
- d. Nilai aset tetap di penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran yang sebenar;
- e. Syarikat subsidiari telah dibubarkan tetapi pelaburan syarikat tersebut masih diambil kira dalam penyata kewangan;
- f. Jurnal pelarasaran tidak disediakan baucar jurnal dan dokumen sokongan; dan
- g. Perbezaan rekod penghutang yang matan.

13.3.1.2. Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah Tahun 2013 sehingga 30 Jun 2014 adalah seperti di Jadual 13.3.

Jadual 13.3

Kedudukan Persijilan Terhadap Penyata Kewangan Tahun 2012 Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam Sabah Dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah Setakat 30 Jun 2014

Bil.	Nama Agensi	Jenis Sijil
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	Tanpa Teguran
3.	Yayasan Tun Fuad	Tanpa Teguran
4.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Pelancongan Sabah	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	Tanpa Teguran
7.	Yayasan Sabah	Tanpa Teguran
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	Tanpa Teguran
9.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	Tanpa Teguran
10.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	Tanpa Teguran
11.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	Tanpa Teguran
12.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	Tanpa Teguran
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	Tanpa Teguran
14.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	Tanpa Teguran
15.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	Tanpa Teguran
16.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	Tanpa Teguran
17.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	Tanpa Teguran
18.	Lembaga Industri Getah Sabah	Berteguran
19.	Majlis Ugama Islam Sabah	Berteguran
20.	Lembaga Sukan Negeri Sabah*	-

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: * Penyata Kewangan 2012 sedang diaudit.

13.3.2. Pihak Berkuasa Tempatan

13.3.2.1. Persijilan Penyata Kewangan

Sehingga 30 Jun 2014, sebanyak 24 penyata kewangan tahun 2010, 2012 dan 2013 bagi Pihak Berkuasa Tempatan telah disijilkan yang melibatkan 22 Sijil Tanpa Teguran dan 2 Sijil Berteguran. Perkara yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran adalah geran Kerajaan, penghutang, pendahuluan, baki tunai di tangan tidak dapat disahkan, pelarasan tidak disokong dengan penjelasan mahupun dokumen yang mencukupi dan amaun yang dibankkan berbeza dengan kutipan. Ini disebabkan dokumen berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 30 Jun 2014

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata	Jenis Sijil
1.	Majlis Perbandaran Tawau	2013	Tanpa Teguran
2.	Majlis Daerah Tenom	2013	Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Tambunan	2013	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Ranau	2013	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2013	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Keningau	2013	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Nabawan	2013	Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Semporna	2013	Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Penampang	2013	Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Putatan	2013	Tanpa Teguran
11.	Lembaga Bandaran Kudat	2013	Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Papar	2013	Tanpa Teguran
13.	Majlis Daerah Pitas	2013	Tanpa Teguran
14.	Majlis Daerah Sipitang	2013	Tanpa Teguran
15.	Majlis Daerah Kunak	2012	Tanpa Teguran
16.	Majlis Daerah Kota Marudu	2012	Tanpa Teguran
17.	Majlis Daerah Beaufort	2012	Tanpa Teguran
18.	Majlis Daerah Beluran	2012	Tanpa Teguran
19.	Majlis Daerah Kota Belud	2012	Tanpa Teguran
20.	Majlis Daerah Lahad Datu	2012	Tanpa Teguran
21.	Majlis Perbandaran Sandakan	2012	Tanpa Teguran
22.	Majlis Daerah Kinabatangan	2012	Tanpa Teguran
23.	Majlis Daerah Tuaran	2012	Berteguran
24.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2010	Berteguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

13.3.2.2. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Pada masa ini, penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Menurut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperolehi, manakala perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan. Penggunaan asas perakaunan tunai ini dibenarkan di bawah Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah 1961 bilangan 273 (*Appendix T*).

13.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Sebanyak 38 penyata kewangan bagi 26 Agensi Negeri yang telah disahkan sehingga 30 Jun 2014 belum dibentangkan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 13.5** dan **Jadual 13.6**.

Jadual 13.5

**Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Ugama Islam Sabah
Yang Belum Dibentang di DUN Setakat 30 Jun 2014**

Bil.	Akaun	Penyata Belum Dibentangkan	
		Tahun	Bil.
1.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	-	-
2.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2011 - 2012	2
3.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	-	-
4.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2011 - 2012	2
5.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	-	-
6.	Lembaga Pelancongan Sabah	-	-
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	-	-
8.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	2011	1
9.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2013	1
10.	Yayasan Tun Fuad	2009, 2011 & 2013	3
11.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2010	1
12.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2011 & 2013	2
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	-	-
14.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2008 - 2011	4
15.	Lembaga Industri Getah Sabah	2008 - 2011	4
16.	Majlis Ugama Islam Sabah	2011 - 2012	2
17.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	-	-
18.	Yayasan Sabah	-	-
19.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	2012	1
20.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah*	TB	TB
Jumlah		23	

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: *Penyata Kewangan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah tidak perlu dibentang.

Jadual 13.6

**Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Yang Belum Dibentangkan di DUN
Setakat 30 Jun 2014**

Bil.	Akaun	Penyata Belum Dibentangkan	
		Tahun	Bil.
1.	Majlis Perbandaran Tawau	2013	1
2.	Majlis Daerah Tenom	2013	1
3.	Majlis Daerah Tambunan	2013	1
4.	Majlis Daerah Ranau	2013	1
5.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2013	1
6.	Majlis Daerah Keningau	2013	1
7.	Majlis Daerah Nabawan	2013	1
8.	Majlis Daerah Penampang	2013	1
9.	Majlis Daerah Semporna	2013	1
10.	Majlis Daerah Putatan	2013	1
11.	Lembaga Bandaran Kudat	2013	1
12.	Majlis Daerah Papar	2013	1
13.	Majlis Daerah Pitas	2013	1
14.	Majlis Daerah Sipitang	2013	1
15.	Majlis Daerah Beluran	-	-
16.	Majlis Daerah Kunak	-	-
17.	Majlis Daerah Lahad Datu	-	-
18.	Majlis Perbandaran Sandakan	-	-
19.	Majlis Daerah Tuaran	-	-
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	-	-
21.	Majlis Daerah Beaufort	-	-
22.	Majlis Daerah Kinabatangan	-	-
23.	Majlis Daerah Kota Belud	-	-
24.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2010	1
Jumlah		15	

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

13.5. PRESTASI KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2014, hanya 14 daripada 20 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2013 untuk diaudit. Analisis prestasi kewangan dibuat terhadap 13 daripada 14 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2013 kecuali Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah kerana penyata kewangan tersebut tidak perlu dibentangkan. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 penyata kewangan BBN telah disahkan iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah, Yayasan Tun Fuad dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah. Manakala 10 penyata kewangan BBN masih belum disahkan kerana sedang diaudit iaitu Lembaga Industri Getah Sabah, Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar, Korporasi Kemajuan Nelayan Perikanan Dan Nelayan Sabah, Korporasi Pembangunan Desa Sabah, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dan Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah.

13.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi 13 BBN adalah baik berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, lebihan pendapatan terkumpul telah

meningkat sejumlah RM34.87 juta atau 3.4% kepada RM1.05 bilion pada tahun 2013 berbanding RM1.02 bilion pada tahun 2012. Lebihan jumlah aset pula meningkat sejumlah RM5.21 juta atau 0.3% kepada RM2.01 bilion pada tahun 2013 berbanding RM2 bilion pada tahun 2012. Aset bersih semasa meningkat sejumlah RM711.39 juta atau 28.9% menjadi RM3.17 bilion pada tahun 2013 berbanding RM2.46 bilion pada tahun 2012. Namun begitu, surplus pendapatan tahun semasa menunjukkan penurunan sejumlah RM55.27 juta atau 50.9% kepada RM53.29 juta pada tahun 2013 berbanding RM108.56 juta pada tahun 2012. Prestasi kewangan 13 BBN bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti **Jadual 13.7**.

Jadual 13.7

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,017.16	1,052.03	34.87	3.4
2.	Lebihan Jumlah Aset	2,003.84	2,009.05	5.21	0.3
3.	Aset Bersih Semasa	2,456.82	3,168.21	711.39	28.9
4.	Surplus Pendapatan Semasa	108.56	53.29	-55.27	-50.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.5.1.2. Selanjutnya, analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mendapati 7 daripada 13 BBN tersebut yang mengemukakan penyata kewangan telah memperolehi surplus pendapatan antara RM252,661 hingga RM42.32 juta. Perbadanan Pinjaman Sabah telah mencatatkan surplus pendapatan tertinggi pada tahun 2013 iaitu RM42.32 juta kerana peningkatan dalam pendapatan faedah dan pendapatan bukan faedah. Bagaimanapun, jumlah tersebut didapati menurun berbanding surplus pendapatan berjumlah RM42.51 juta pada tahun 2012. Selain itu, 6 BBN mengalami defisit pendapatan pada tahun 2013. Sebanyak 3 BBN iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah mengalami defisit pendapatan kerana penurunan pendapatan aktitviti; satu BBN iaitu Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah mengalami defisit pendapatan kerana peningkatan ketara perbelanjaan khas; dan satu BBN iaitu Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah mengalami defisit pendapatan kerana pengurangan pemberian Kerajaan pada tahun 2013. Manakala satu BBN iaitu Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah walaupun menunjukkan defisit pendapatan berjumlah RM332,666 pada tahun 2013 tetapi amaun defisit ini berkurangan dengan ketara berbanding tahun 2012 di mana amaun defisit adalah berjumlah RM1.05 juta.

13.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 12 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM4.28 juta hingga RM2.08 bilion. Perbadanan Pinjaman Sabah didapati mencatat aset semasa bersih paling tinggi berjumlah RM2.08 bilion di mana aset semasa berjumlah RM2.13 bilion berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM45.78 juta. Sejumlah RM1.54 bilion daripada aset semasa tersebut merupakan pembiayaan, pendahuluan dan

lain-lain pinjaman. Selain itu, Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah mengalami defisit di mana liabiliti semasa melebihi aset semasa kerana peningkatan pendahuluan daripada Lembaga. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti **Jadual 13.8**.

Jadual 13.8

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Hasil	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	449.77	424.10	25.67	166.50	79.25	87.25
2.	Perbadanan Pinjaman Sabah	182.97	140.65	42.32	2,125.70	45.78	2,079.92
3.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	33.17	28.70	4.47	177.97	117.43	60.54
4.	Kumpulanwang Penanaman Semula Getah Sabah	20.37	20.70	-0.33	8.58	10.22	-1.64
5.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	15.94	14.97	0.97	5.05	0.77	4.28
6.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	9.35	12.98	-3.63	314.67	1.34	313.33
7.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2.88	3.06	-0.18	5.20	0.07	5.13
8.	Yayasan Tun Fuad	0.36	0.11	0.25	11.87	0.00	11.87
9.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	115.29	112.76	2.53	70.88	11.61	59.27
10.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	16.99	14.78	2.21	91.80	64.17	27.63
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	25.12	32.86	-7.74	286.54	33.02	253.52
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	92.42	96.46	-4.04	277.05	53.64	223.41
13.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	44.18	53.39	-9.21	47.36	3.66	43.70
Jumlah		1,008.81	955.52	53.29	3,589.17	420.96	3,168.21

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.5.2. Analisis Pendapatan

13.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, sebanyak 13 BBN memperolehi pendapatan janaan sendiri berjumlah RM942.36 juta berbanding dengan RM982.29 juta pada tahun 2012. Hanya 6 BBN mengalami peningkatan pendapatan janaan sendiri dalam tahun 2013 iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah mengalami peningkatan sejumlah RM32.51 juta atau 21.3%; Lembaga Pembangunan Perumahan Bandar mengalami peningkatan sejumlah RM5.14 juta atau 47.3%; Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah mengalami peningkatan sejumlah RM3.95 juta atau 23.4%; Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah mengalami peningkatan sejumlah RM1.36 juta atau 14.2%; Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah mengalami peningkatan sejumlah RM562,300 atau 9.4%; dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah mengalami peningkatan sejumlah RM198,345 atau 9.2% berbanding tahun 2012.

13.5.2.2. Selain itu, pendapatan janaan sendiri bagi 7 BBN didapati telah menurun pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Pendapatan janaan sendiri bagi Lembaga Industri

Getah Sabah mengalami penurunan berjumlah RM47.46 juta atau 9.5%; Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah mengalami penurunan berjumlah RM20.63 juta atau 18.2%; Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah mengalami penurunan berjumlah RM11.32 juta atau 97%; Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah mengalami penurunan berjumlah RM3.2 juta atau 29.1%; Yayasan Tun Fuad mengalami penurunan berjumlah RM48,741 atau 11.7%; Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah mengalami penurunan berjumlah RM10,966 atau 4.6%; dan Korporasi Pembangunan Desa Sabah mengalami penurunan berjumlah RM17,352 atau kurang daripada 1%.

13.5.2.3. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 8 daripada 13 BBN turut menerima geran daripada Kerajaan sejumlah RM328.32 juta pada tahun 2013 berbanding RM315.48 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti adalah seperti di **Carta 13.1**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN

Nota: Pendapatan dan Geran Bagi tahun 2011 dan 2012 berasaskan 18 Penyata Kewangan manakala Pendapatan dan Geran tahun 2013 berdasarkan analisis 13 Penyata Kewangan.

13.5.3. Surplus/Defisit Pendapatan

Pada tahun 2013, sebanyak 7 BBN memperolehi surplus pendapatan berjumlah antara RM252,661 hingga RM42.32 juta. Manakala 6 BBN memperolehi defisit pendapatan iaitu Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM9.21 juta; Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM7.74 juta; Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM4.04 juta; Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM3.63 juta; Kumpulan Wang

Penanaman Semula Getah Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM332,666; dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah memperolehi defisit pendapatan berjumlah RM183,360. Jumlah keseluruhan surplus/defisit pendapatan 13 BBN pada tahun 2013 berjumlah RM53.29 juta iaitu menurun sejumrah RM55.27 juta atau 50.9% berbanding RM108.56 juta pada tahun 2012. Surplus/defisit pendapatan BBN bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9

Surplus/Defisit Pendapatan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	42.51	42.32	-0.19	-0.4
2.	Lembaga Industri Getah Sabah	39.09	25.67	-13.42	-34.3
3.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	8.25	-3.63	-11.88	-144.0
4.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	7.44	4.47	-2.97	-39.9
5.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	0.42	-0.18	-0.60	-142.9
6.	Yayasan Tun Fuad	0.34	0.25	-0.09	-26.5
7.	Kumpulanwang Penanaman Semula Getah Sabah	-1.05	-0.33	0.72	-68.6
8.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	-1.12	0.97	2.09	-186.6
9.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	1.60	2.53	0.93	58.1
10.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	4.71	2.21	-2.50	-53.1
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	-4.54	-7.74	-3.2	70.5
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	11.00	-4.04	-15.04	-136.7
13.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	-0.09	-9.21	-9.12	10,133.3
Jumlah		108.56	53.29	-55.27	-50.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 13 BBN memperoleh aset sejumrah RM4.75 bilion berbanding RM4.12 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumrah RM633.11 juta atau 15.4%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2013 ialah RM3.82 bilion berbanding RM3.18 bilion pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah meningkat daripada RM2.46 bilion pada tahun 2012 kepada RM3.17 bilion pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumrah RM711.39 juta atau 28.9%. Sebanyak 7 BBN mengalami peningkatan aset bersih semasa pada tahun 2013. Dua BBN mengalami peningkatan aset bersih semasa yang ketara pada tahun 2013 iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah meningkat sejumrah RM531.66 juta atau 34.3% disebabkan peningkatan pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman berjumlah RM455.01 juta, pelaburan RM46.55 juta dan wang dibank berjumlah RM17.78 juta; dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah meningkat sejumrah RM76.06 juta atau 51.5% kerana peningkatan amaun belum terima daripada anak syarikat berjumlah RM79.57 juta. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah dan Lembaga Industri Getah Sabah masing-masing meningkat sejumrah RM50.96 juta atau 19.4% dan RM44.20 juta atau 102.7% disebabkan oleh peningkatan deposit dan wang dibank masing-masing berjumlah

RM51.70 juta dan RM42.96 juta. Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah pula mengalami peningkatan aset bersih berjumlah RM2.47 juta atau 9.8% kerana peningkatan dana pembangunan berjumlah RM1.95 juta. Manakala 2 BBN mengalami penurunan dalam aset bersih semasa melebihi 5% pada tahun 2013 iaitu Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah mencatatkan penurunan sejumlah RM3.10 juta atau 6.6% kerana bayaran pemutang lain dan cagaran; dan Yayasan Tun Fuad mencatatkan penurunan sejumlah RM2.16 juta atau 15.4% kerana pengeluaran simpanan tetap berjumlah RM2.20 juta untuk pelaburan sekuriti.

13.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 11 daripada 13 BBN telah membuat pelaburan berjumlah RM209.05 juta yang terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, harta tanah dan pelaburan sekuriti. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM40.92 juta atau 16.4% berbanding RM249.97 juta pada tahun 2012. Jenis Pelaburan oleh BBN pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 13.2**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.5.6. Analisis Liabiliti

13.5.6.1. Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 13 BBN ialah RM2.74 bilion berbanding RM2.11 bilion pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM627.89 juta atau 29.6%. Jumlah liabiliti bagi 9 BBN didapati telah meningkat dan jumlah liabiliti bagi 4 BBN pula telah menurun pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.

13.5.6.2. Liabiliti Perbadanan Pinjaman Sabah dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah masing-masing meningkat sebanyak RM447.67 juta atau 36.2% dan RM128.58 juta atau 304.2% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan peminjaman masig-masing sejumlah RM489.79 juta dan RM105.01 juta. Liabiliti Pihak

Berkuala Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah pula meningkat sejumlah RM55.17 juta atau 22.2% kerana peningkatan geran kerajaan untuk projek-projek khas. Manakala liabiliti Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar, Korporasi Pembangunan Desa Sabah, Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah, Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah masing-masing mencatat peningkatan sejumlah RM2.55 juta atau 1.8%, RM2.14 juta atau 22.3%, RM2.06 juta atau 25.2%, RM1.88 juta atau 3%, RM110,354 atau 16.7% dan RM51,341 atau 250% disebabkan oleh peningkatan pembiutang dan akruan.

13.5.6.3. Penurunan liabiliti 4 BBN iaitu Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah sejumlah RM21.43 juta atau 11.9% kerana bayaran pinjaman bertempoh berjumlah RM17.17 juta; Lembaga Industri Getah Sabah sejumlah RM19.65 juta atau 19.6% disebabkan oleh bayaran pinjaman jangka pendek berjumlah RM20.90 juta; Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah sejumlah RM1.22 juta atau 25% disebabkan oleh bayaran pembiutang lain dan cagaran; dan penurunan liabiliti Yayasan Tun Fuad sejumlah RM15,292 atau 100% pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh penyelesaian pembiutang dan akruan berjumlah RM15,292. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti **Jadual 13.10**.

Jadual 13.10

Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pinjaman Sabah	1,320.53	1,798.20	477.67	36.2
2.	Pihak Berkuala Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	248.14	303.31	55.17	22.2
3.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	140.22	142.77	2.55	1.8
4.	Lembaga Industri Getah Sabah	100.50	80.85	-19.65	-19.6
5.	Kumpulanwang Penanaman Semula Getah Sabah	8.16	10.22	2.06	25.2
6.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	0.66	0.77	0.11	16.7
7.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	0.02	0.07	0.05	250.0
8.	Yayasan Tun Fuad	0.02	0.00	-0.02	-100.0
9.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	9.60	11.74	2.14	22.3
10.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	62.29	64.17	1.88	3.0
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	179.37	157.94	-21.43	11.9
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	42.27	170.85	128.58	304.2
13.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	4.88	3.66	-1.22	25.0
Jumlah		2,116.66	2,744.55	627.89	29.6

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.7. Analisis Nisbah

Analisis Nisbah merupakan satu kaedah untuk menilai kekuahan kewangan sesebuah agensi termasuk kemampuan bayaran, keairan, dan perubahan nilai bersih agensi tersebut.

Bagi menilai prestasi kewangan 13 BBN pada tahun 2013, analisis Nisbah Semasa, Nisbah Cepat, Aset Bersih Semasa, Aliran Tunai Bersih dan Nisbah Hutang telah dibuat.

13.5.7.1. Nisbah Semasa digunakan bagi menilai keupayaan kecairan agensi untuk menjelaskan hutang jangka pendek. Berdasarkan pengiraan, didapati 12 BBN mempunyai aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa melebihi sekali ganda. Walaupun satu BBN iaitu Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah mempunyai Nisbah Semasa kurang daripada satu tetapi memiliki RM6.63 juta tunai untuk menyelesaikan liabiliti jangka pendek dan sejumlah RM6.69 juta daripada liabiliti semasa merupakan pendahuluan daripada Lembaga untuk menampung kos operasi. Ini menunjukkan, 13 BBN berkemampuan untuk mendapatkan tunai bagi membayar segala hutang semasa pada tahun 2013.

13.5.7.2. Nisbah Cepat pula mengukur kemampuan agensi untuk membayar hutang jangka pendek tanpa bergantung pada inventori. Pengiraan Nisbah Cepat mendapati 13 BBN mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak bergantung kepada inventori untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek pada tahun 2013.

13.5.7.3. Aset Bersih Semasa bertujuan untuk mengukur keupayaan aset semasa untuk menampung liabiliti semasa dalam satu tempoh. Aset Bersih Semasa yang positif adalah penting untuk memastikan agensi mampu melaksanakan aktiviti semasa dengan sumber kewangan yang mencukupi. Analisis mendapati 12 BBN mempunyai lebihan Aset Bersih Semasa pada tahun 2013. Manakala satu BBN iaitu Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah mengalami defisit Aset Bersih Semasa.

13.5.7.4. Aliran Tunai Bersih menunjukkan nilai kesetaraan tunai yang dimiliki oleh agensi dalam tahun semasa. Pada tahun 2013, sebanyak 13 BBN didapati mempunyai nilai kesetaraan tunai yang positif untuk pergerakan tunai ke dalam atau keluar suatu perniagaan, projek, atau produk kewangan.

13.5.7.5. Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis Nisbah Hutang mendapati 4 daripada 13 BBN menunjukkan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Perbadanan Pinjaman Sabah membuat pinjaman di Syarikat Cagamas Berhad bersandarkan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan Negeri, bank berlesen dan Kerajaan Negeri Sabah; Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar membuat pinjaman dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan; Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah tiada membuat pinjaman tetapi pemilikan aset semasa yang tinggi dibiayai oleh geran pembangunan yang belum digunakan dan Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah membuat pendahuluan daripada Lembaga untuk menampung kos operasi dan pinjaman Kerajaan Negeri Sabah. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti **Jadual 13.11**.

Jadual 13.11
Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Agensi	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Aset Bersih Semasa/ Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Yayasan Tun Fuad	4,626.00	4,626.00	11.87	11.87	0.0
2.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah	234.82	234.82	313.33	314.22	0.0
3.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	73.58	73.30	5.13	4.89	0.0
4.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	6.55	6.55	4.28	2.61	10.7
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	2.10	1.72	87.25	123.13	48.6
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	1.52	1.46	60.54	57.02	64.0
7.	Perbadanan Pinjaman Sabah	1.18	1.18	2,079.92	47.79	82.5
8.	Kumpulanwang Penanaman Semula Getah Sabah	0.84	0.65	-1.64	6.63	72.8
9.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	6.10	6.01	59.27	41.63	10.9
10.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	1.43	1.42	27.66	77.99	51.0
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	8.67	8.67	253.52	33.21	21.8
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	5.16	4.91	223.41	40.03	24.3
13.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	12.93	12.93	43.70	43.29	2.1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

13.5.8.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2013, sebanyak 7 BBN telah melabur di 28 anak syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM35.94 juta. Manakala 6 BBN tidak mempunyai pelaburan di anak syarikat. Tiga BBN yang membuat pelaburan tertinggi dalam dalam anak syarikat pada tahun 2013 adalah Lembaga Industri Getah Sabah yang melabur sejumlah RM16.99 juta dalam 4 anak syarikat, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah melabur sejumlah RM9.57 juta dalam 14 anak syarikat dan Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar melabur sejumlah RM7.75 juta dalam 3 anak syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat oleh BBN adalah adalah seperti di **Jadual 13.12**.

Jadual 13.12
Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Pada Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Anak Syarikat (100%)	Anak Syarikat (>50%)	Jumlah Syarikat	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	3	1	4	16.99
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	2	1	3	7.75
3.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	1	3	4	1.33
4.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	1	-	1	0.30
5.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah*	1	-	1	-
6.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	11	3	14	9.57
7.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah**	1	-	1	-
Jumlah			20	8	35.94

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat.

Nota: Sehingga 30 Jun 2014

Nota: * RM1,000

Nota:**RM5

13.5.8.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 7 BBN iaitu Lembaga Industri Getah Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar, Korporasi Pembangunan Desa Sabah, Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah dan Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah telah melabur dalam 20 anak syarikat yang berstatus aktif dan 8 berstatus dorman. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti **Jadual 13.13.**

Jadual 13.13

Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dorman Pada Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah Syarikat
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	4	-	4
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	3	-	3
3.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	2	2	4
4.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	1	-	1
5.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	1	-	1
6.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	9	5	14
7.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	-	1	1
Jumlah		20	8	28

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Nota: Sehingga 30 Jun 2014

13.5.8.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 7 anak syarikat yang aktif di bawah 4 BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM56.64 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit menunjukkan 21 anak syarikat di bawah 6 BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM21.36 juta. Anak syarikat kepada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah iaitu Batuluga Sdn. Bhd mempunyai keuntungan terkumpul tertinggi berjumlah RM49.65 juta. Sebanyak 3 anak syarikat kepada Lembaga Industri Getah Sabah yang mempunyai keuntungan terkumpul adalah Tuaran Crumb Sdn. Bhd. berjumlah RM791,342, Beaufort Specialty Rubber Sdn. Bhd. berjumlah RM4,423 dan Tenom Crumb Sdn. Bhd. RM408,856. Manakala satu anak syarikat kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah yang mempunyai keuntungan terkumpul adalah Keningau Palm Oil Mill Sdn. Bhd berjumlah RM5.12 juta; dan 2 anak syarikat kepada Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar yang mempunyai keuntungan terkumpul adalah Supernesa Sdn. Bhd. berjumlah RM192,564 dan Kuala Menggatal Development Corporation Sdn Bhd. berjumlah RM473,394. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti **Jadual 13.14.**

Jadual 13.14

**Analisis Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul
Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan /(Kerugian) Bersih
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	Lembaga Industri Getah Sabah	3	1.20	1	0.57	0.63
2.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	2	0.67	1	2.24	-1.57
3.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	-	-	4	2.78	-2.78
4.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	-	-	1	0.46	-0.46
5.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	1	49.65	-	-	49.65
6.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	1	5.12	13	15.28	-10.16
7.	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	-	-	1	0.03	-0.03
Jumlah		7	56.64	21	21.36	35.28

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Nota: Sehingga 30 Jun 2014.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah 6 BBN perlu memantau prestasi kewangan anak syarikat terutama yang mengalami kerugian terkumpul serta mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman bagi mengurangkan kerugian terkumpul. Sistem pemantauan yang berkesan penting untuk memastikan anak syarikat berdaya maju dan dapat memberi pulangan.

13.5.9. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Penyata kewangan PBT di Negeri Sabah bagi tahun 2013 masih disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Mengikut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperolehi, manakala perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan.

13.5.9.1. Terdapat 24 PBT di Negeri Sabah yang terdiri daripada satu Dewan Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran dan 21 Majlis Daerah. Setakat 30 Jun 2014, penyata kewangan tahun 2013 bagi 22 PBT telah dikemukakan untuk pengauditan manakala 2 PBT iaitu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Majlis Daerah Beaufort masih belum mengemukakannya. Sebanyak 14 Penyata Kewangan tahun 2013 telah disijilkan iaitu Majlis Perbandaran Tawau, Majlis Daerah Tenom, Majlis Daerah Tambunan, Majlis Daerah Ranau, Majlis Daerah Kuala Penyu, Majlis Daerah Keningau, Majlis Daerah Nabawan, Majlis Daerah Putatan, Majlis Daerah Penampang, Majlis Daerah Pitas, Majlis Daerah Semporna, Lembaga Bandaran Kudat, Majlis Daerah Sipitang dan Majlis Daerah Papar. Pada tahun berakhir 2013, sebanyak 11 PBT mendapat surplus pendapatan dan 19 PBT mempunyai aset semasa yang mampu menampung liabiliti semasa. Analisis Audit seterusnya telah dilaksanakan terhadap 22 Penyata Kewangan tahun 2013 yang

telah diterima. Prestasi kewangan 22 PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 13.15**.

Jadual 13.15

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Hasil	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Harta/ (Liabiliti) Bersih Semasa
1.	Majlis Perbandaran Tawau	42.55	42.83	-0.28	49.67	2.08	47.59
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	46.58	51.07	-4.49	18.26	15.85	2.41
3.	Majlis Daerah Penampang	22.63	16.84	5.79	35.00	0.73	34.27
4.	Majlis Daerah Lahad Datu	18.25	15.19	3.06	18.79	0.68	18.11
5.	Majlis Daerah Keningau	13.65	11.90	1.75	7.95	0.68	7.27
6.	Majlis Daerah Papar	8.20	7.98	0.22	3.21	1.40	1.81
7.	Majlis Daerah Tuaran	7.86	9.41	-1.55	8.61	0.95	7.66
8.	Majlis Daerah Putatan	5.82	5.44	0.38	0.69	0.29	0.40
9.	Majlis Daerah Sipitang	5.46	4.51	0.95	5.43	0.07	5.36
10.	Majlis Daerah Semporna	5.27	4.61	0.66	5.87	0.17	5.70
11.	Lembaga Bandaran Kudat	4.98	5.81	-0.83	4.07	0.68	3.39
12.	Majlis Daerah Beluran	4.17	3.93	0.24	4.51	0.85	3.66
13.	Majlis Daerah Tenom	3.97	4.14	-0.17	0.85	0.95	-0.10
14.	Majlis Daerah Kuala Penyu	3.57	4.11	-0.54	0.77	0.12	0.65
15.	Majlis Daerah Tambunan	3.33	2.97	0.36	1.95	0.18	1.77
16.	Majlis Daerah Ranau	2.97	2.52	0.45	3.59	0.82	2.77
17.	Majlis Daerah Kunak	2.87	2.99	-0.12	5.35	0.13	5.22
18.	Majlis Daerah Pitas	1.64	2.06	-0.42	1.80	0.40	1.40
19.	Majlis Daerah Nabawan	1.39	1.83	-0.44	0.23	0.04	0.19
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	3.04	3.72	-0.68	0.08	0.66	-0.58
21.	Majlis Daerah Kinabatangan	7.39	6.29	1.10	0.71	0.14	0.57
22.	Majlis Daerah Kota Belud	3.42	4.60	-1.18	2.68	3.73	-1.05
Jumlah		219.01	214.75	4.26	180.07	31.24	148.47

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

a. Majlis Perbandaran

Pada tahun 2013, secara keseluruhannya Majlis Perbandaran mencatatkan defisit semasa sejumlah RM4.77 juta. Prestasi kewangan ini menunjukkan penurunan surplus sejumlah RM11.77 juta atau 168.1% berbanding surplus sejumlah RM7 juta pada tahun 2012. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Sandakan pada tahun 2013 menunjukkan defisit sejumlah RM4.49 juta. Ianya mencatatkan penurunan sejumlah RM8.55 juta atau 210.6% berbanding surplus sejumlah RM4.06 juta pada tahun 2012. Majlis Perbandaran Tawau pula mencatatkan penurunan surplus sejumlah RM3.22 juta atau 109.5% iaitu daripada RM2.94 juta pada tahun 2012 kepada defisit sejumlah RM0.28 juta pada tahun 2013.

b. Majlis Daerah

Secara keseluruhannya, Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM9.03 juta pada tahun 2013. Surplus semasa secara keseluruhan ini menunjukkan penurunan surplus sejumlah RM8.51 juta atau 48.5% berbanding surplus sejumlah RM17.81 juta yang dicatat pada tahun 2012. Sebanyak 11 daripada 20 Majlis Daerah mengalami surplus semasa sejumlah RM14.96 juta pada tahun kewangan 2013 berbanding 12 Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM22.16 juta pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, 4 Majlis Daerah mempunyai surplus semasa yang melebihi RM1 juta iaitu Majlis Daerah Penampang, Majlis Daerah Keningau, Majlis Daerah Lahad Datu dan Majlis Daerah Kinabatangan. Sebanyak 9 Majlis Daerah mencatat defisit semasa sejumlah RM5.93 juta berbanding 8 Majlis Daerah pada tahun 2012 dengan jumlah defisit sebanyak RM4.62 juta. Majlis Daerah yang mengalami defisit semasa adalah Majlis Daerah Tenom, Kuala Penyu, Nabawan, Kunak, Pitas, Tuaran, Kota Marudu, Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis Daerah Kota Belud. Mekanisme dan tindakan tertentu perlu dirangka dan dilaksanakan untuk memperbaiki prestasi kewangan Majlis Daerah yang mengalami defisit semasa.

13.5.9.2. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, sebanyak 22 PBT telah membelanjakan sejumlah RM214.75 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, pengangkutan dan perjalanan rasmi, pentadbiran am, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan khas, penyenggaraan serta perhubungan dan utiliti. Hasil utama PBT pula adalah daripada ses, cukai taksiran, bayaran, lesen, caruman Kerajaan dan pelbagai. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM219 juta. Caruman Kerajaan didapati menyumbangkan RM81.88 juta atau 37.4% daripada keseluruhan hasil PBT tersebut. Hasil PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 13.16**.

Jadual 13.16
Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ses/ Bayaran/ Lesen	Cukai Taksiran	Caruman Kerajaan	Pelbagai	Jumlah
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Tawau	7.98	20.50	12.13	1.93	42.54
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	7.96	20.86	14.45	3.32	46.59
3.	Majlis Daerah Tenom	0.57	0.54	2.19	0.67	3.97
4.	Majlis Daerah Tambunan	0.34	0.09	1.29	1.60	3.32
5.	Majlis Daerah Ranau	0.17	0.47	1.86	0.47	2.97
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.10	0.07	1.12	2.29	3.58
7.	Majlis Daerah Penampang	2.48	10.29	7.18	2.67	22.62
8.	Majlis Daerah Keningau	0.88	2.46	5.05	5.27	13.26
9.	Majlis Daerah Semporna	0.36	0.93	3.69	0.28	5.26
10.	Majlis Daerah Nabawan	0.16	0.10	1.01	0.12	1.39
11.	Majlis Daerah Putatan	0.27	1.98	3.27	0.29	5.81
12.	Majlis Daerah Beluran	0.58	0.00	1.87	1.73	4.18

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ses/ Bayaran/ Lesen	Cukai Taksiran	Caruman Kerajaan	Pelbagai	Jumlah
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
13.	Majlis Daerah Kunak	0.14	0.14	2.46	0.13	2.87
14.	Majlis Daerah Lahad Datu	3.57	6.55	5.26	2.88	18.26
15.	Lembaga Bandaran Kudat	0.50	0.97	2.64	0.88	4.99
16.	Majlis Daerah Papar	1.42	1.50	2.68	2.60	8.20
17.	Majlis Daerah Pitas	0.09	0.04	1.31	0.20	1.64
18.	Majlis Daerah Sipitang	1.03	0.11	2.32	1.99	5.45
19.	Majlis Daerah Tuaran	0.73	1.62	2.88	2.63	7.86
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.40	0.62	1.62	0.40	3.04
21.	Majlis Daerah Kinabatangan	1.68	-	3.58	2.13	7.39
22.	Majlis Daerah Kota Belud	0.43	0.31	2.01	0.66	3.41
Jumlah		31.84	70.13	81.88	35.15	219.00

Sumber: Penyata Kewangan PBT

13.5.9.3. Harta/Liabiliti Bersih Semasa

Analisis Audit terhadap harta bersih semasa PBT iaitu harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa PBT mendapatkan perkara seperti di **Jadual 10.17** berikut:

Jadual 13.17

Kedudukan Harta/Liabiliti Bersih PBT Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Harta/(Liabiliti) Bersih (Tahun)		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Tawau	47.86	47.59	-0.27	-0.6
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	7.00	2.41	-4.59	-65.6
3.	Majlis Daerah Tenom	1.31	-0.10	-1.41	-107.6
4.	Majlis Daerah Tambunan	2.50	1.77	-0.73	-29.2
5.	Majlis Daerah Ranau	2.31	2.77	0.46	19.9
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	1.18	0.65	-0.53	-44.9
7.	Majlis Daerah Penampang	28.48	34.27	5.79	20.3
8.	Majlis Daerah Keningau	6.26	7.27	1.01	16.1
9.	Majlis Daerah Semporna	5.05	5.70	0.65	12.9
10.	Majlis Daerah Nabawan	0.64	0.19	-0.45	-70.3
11.	Majlis Daerah Putatan	-0.28	0.40	0.12	242.9
12.	Majlis Daerah Beluran	0.13	3.66	3.53	2,715.4
13.	Majlis Daerah Kunak	5.34	5.22	-0.12	-2.2
14.	Majlis Daerah Lahad Datu	15.05	18.11	3.06	20.3
15.	Lembaga Bandaran Kudat	4.21	3.39	-0.82	-19.5
16.	Majlis Daerah Papar	1.24	1.81	0.57	46.0
17.	Majlis Daerah Pitas	1.82	1.40	-0.42	-23.1
18.	Majlis Daerah Sipitang	4.40	5.36	0.96	21.8
19.	Majlis Daerah Tuaran	9.10	7.66	-1.44	15.8
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.11	-0.58	-0.47	-627.3
21.	Majlis Daerah Kinabatangan	0.25	0.57	0.32	128.0
22.	Majlis Daerah Kota Belud	0.13	-1.05	-1.18	-907.7
Jumlah		144.09	148.47	4.38	3.0

Sumber: Penyata Kewangan PBT

a. Majlis Perbandaran

Analisis Audit mendapati harta bersih semasa bagi Majlis Perbandaran Sandakan pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM4.59 juta atau 65.6% kepada RM2.41 juta berbanding harta bersih sejumlah RM7 juta pada tahun 2012. Manakala, harta bersih semasa bagi Majlis Perbandaran Tawau berjumlah RM47.59 juta pada akhir tahun 2013. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM0.27 juta atau 0.6% berbanding harta bersih pada tahun 2012 yang berjumlah RM47.86 juta.

b. Majlis Daerah

Pada tahun 2013, harta bersih semasa bagi 20 Majlis Daerah berjumlah RM98.47 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM9.24 juta atau 10.4% berbanding sejumlah RM89.23 juta pada tahun 2012. Nilai harta bersih semasa ini tidak termasuk harta modal yang dimiliki oleh Majlis Daerah kerana semua Majlis Daerah menggunakan perakaunan berdasarkan tunai di mana harta modal tidak diambil kira dalam penyediaan penyata harta dan tanggungan.

13.5.9.4. Cukai Perkara Am

a. Kutipan Cukai Perkara Am

Mengikut Seksyen 82 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, setiap pemilik harta tanah dalam kawasan perkadaran hendaklah membayar cukai taksiran tahunan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Salah satu komponen cukai taksiran adalah Cukai Perkara Am yang merupakan cukai dikenakan terhadap harta tanah yang dikenali sebagai harta pegangan berkadar seperti bangunan kediaman, perniagaan, perusahaan, pejabat dan tanah kosong dalam kawasan perkadaran. Ia ditaksir berdasarkan nilai tahunan dan kadar peratus yang diwartakan. Pada tahun 2013, sejumlah RM69.94 juta Cukai Perkara Am telah dikutip oleh 2 Majlis Perbandaran dan 19 Majlis Daerah. Kutipan ini menurun sejumlah RM0.16 juta atau 0.2% berbanding kutipan Cukai Perkara Am pada tahun 2012 yang berjumlah RM70.10 juta. Jumlah hasil Cukai Perkara Am yang dikutip oleh PBT pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 13.18**.

Jadual 13.18**Kutipan Cukai Perkara Am Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Tawau	18.68	20.50	1.82	9.7
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	18.19	20.86	2.67	14.7
3.	Majlis Daerah Tenom	0.36	0.54	0.18	50.0
4.	Majlis Daerah Tambunan	0.09	0.09	0.00	0.0
5.	Majlis Daerah Ranau	0.43	0.47	0.04	9.3
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.02	0.07	0.05	250.0
7.	Majlis Daerah Penampang	14.48	10.29	-4.19	-28.9
8.	Majlis Daerah Keningau	2.64	2.46	-0.18	-6.8
9.	Majlis Daerah Semporna	0.77	0.93	0.16	20.8
10.	Majlis Daerah Nabawan	0.01	0.10	0.09	900.0
11.	Majlis Daerah Putatan	2.13	1.98	-0.15	-7.0
12.	Majlis Daerah Beluran*	0.00	0.00	0.00	0.0
13.	Majlis Daerah Kunak	0.15	0.14	-0.01	-6.7
14.	Majlis Daerah Lahad Datu	7.37	6.55	-0.82	-11.1
15.	Lembaga Bandaran Kudat	0.94	0.97	0.03	3.2
16.	Majlis Daerah Papar	1.46	1.50	0.04	2.7
17.	Majlis Daerah Pitas	0.04	0.04	0.00	0.0
18.	Majlis Daerah Sipitang	0.09	0.11	0.02	22.2
19.	Majlis Daerah Tuaran	1.61	1.62	0.01	0.6
20.	Majlis Daerah Kota Marudu	0.53	0.62	0.09	17.0
21.	Majlis Daerah Kota Belud	0.11	0.10	-0.01	-9.1
22.	Majlis Daerah Kinabatangan**	-	-	-	-
Jumlah		70.10	69.94	-0.16	-0.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT

Nota: *RM2,005

** Majlis Daerah Kinabatangan belum mengenakan Cukai Perkara Am

b. Tunggakan Cukai Perkara Am

Analisis tunggakan hasil Cukai Perkara Am dibuat berdasarkan Penyata Tunggakan Cukai Perkara Am dan Penyata Kewangan bagi tahun 2013 yang telah disahkan. Bagaimanapun, terdapat 8 PBT di mana Penyata Kewangan 2013 sedang diaudit dan 2 PBT belum mengemukakan Penyata Kewangan 2013. Secara keseluruhan, tunggakan hasil Cukai Perkara Am bagi 12 PBT berdasarkan penyata kewangan telah disahkan menurun sejumlah RM0.58 juta atau 1.7% iaitu daripada tunggakan sejumlah RM34.48 juta pada tahun 2012 kepada RM33.90 juta pada tahun 2013. 2 PBT yang penyata kewangannya telah disahkan iaitu Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis Daerah Putatan tidak disenaraikan kerana gagal menyediakan Penyata Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am bagi tahun 2013. Ringkasan Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am adalah seperti di **Jadual 13.19**.

Jadual 13.19
Tunggakan Cukai Perkara Am Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 RM Juta	2013 RM Juta	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Tawau	16.01	16.37	0.36	2.2
2.	Majlis Daerah Tenom	0.12	1.10	0.98	816.7
3.	Majlis Daerah Tambunan	0.12	0.07	-0.05	-41.7
4.	Majlis Daerah Ranau	0.65	0.51	-0.14	-21.5
5.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.14	0.11	-0.03	-21.4
6.	Majlis Daerah Keningau	0.02	0.01	-0.01	-50.0
7.	Majlis Daerah Nabawan	3.22	4.34	1.12	34.8
8.	Majlis Daerah Penampang	9.69	6.77	-2.92	-30.1
9.	Majlis Daerah Pitas	0.07	0.09	0.02	28.6
10.	Majlis Daerah Semporna	1.55	0.91	-0.64	-41.3
11.	Majlis Daerah Sipitang	0.09	0.07	-0.02	-22.2
12.	Majlis Daerah Papar	2.80	3.55	0.75	26.8
Jumlah		34.48	33.90	-0.58	-1.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- c. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Selain itu, keluasan kawasan perkadaran tidak dikaji semula dan penilaian semula harta tanah tidak dapat dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Senarai nilai harta tanah yang tidak dikemas kini ini menyebabkan ada pegangan yang sudah tidak wujud tetapi bil masih dikeluarkan. Sehubungan itu, PBT perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan Cukai Perkara Am seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak serta melakukan pemantauan atau pemeriksaan berkala untuk memastikan Cukai Perkara Am dikenakan mengikut penilaian terkini.

13.6. SYOR AUDIT

13.6.1. Untuk memastikan prestasi kewangan bertambah kukuh dan tadbir urus yang baik, Badan Berkanun Negeri disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

13.6.1.1. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan Badan Berkanun Negeri. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu mengambil tindakan tegas bagi mengutip balik tunggakan hutang daripada penghutang dan juga daripada anak syarikat supaya dapat mengukuhkan kedudukan tunai.

13.6.1.2. Badan Berkanun Negeri hendaklah menyediakan dan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan dan perakaunan. Peraturan tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Setiausaha Kewangan Negeri. Lembaga Pengarah Syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mewujudkan *Key Performance Indicator*

untuk memantau prestasi anak syarikat supaya prinsip *going concern* anak syarikat yang terbabit dapat dikekalkan. Anak syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik. Badan Berkanun Negeri hendaklah membayar balik tunggakan pinjaman dengan Kerajaan mengikut jadual bayaran balik pinjaman yang disediakan.

13.6.1.3. Bagi anak syarikat Badan Berkanun Negeri yang mengalami kerugian berterusan dan berstatus dorman, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan syarikat berkenaan sama ada untuk meneruskan operasi atau sebaliknya.

13.6.1.4. Pengauditan berkala Unit Audit Dalam, Kementerian Kewangan terhadap Badan Berkanun Negeri yang kecil dan belum mewujudkan Unit Audit Dalam hendaklah dilaksanakan untuk penambahbaikan pengurusan kewangan Agensi secara berterusan.

13.6.2. Untuk memastikan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bertambah kukuh, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

13.6.2.1. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan mengambil inisiatif untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akruan bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah agar prestasi kewangan agensi berkenaan dapat dinilai secara menyeluruh dan memberi gambaran mengenai keupayaan dan keberkesanannya mencapai matlamat yang disasarkan. Kementerian juga perlu memastikan bahawa prosedur dan amalan pengurusan aset alih dan stor di semua Pihak Berkuasa Tempatan diseragamkan serta mengikut undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.

13.6.2.2. Pihak Berkuasa Tempatan perlu meningkatkan lagi penguatkuasaan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tunggakan Cukai Perkara Am yang kian meningkat.

13.6.2.3. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan membantu Pihak Berkuasa Tempatan menganjurkan kursus dan latihan berkaitan penyediaan rekod-rekod kewangan/penyata kewangan, pengurusan organisasi dan lain-lain yang bersesuaian kepada kakitangan mengikut peranan dan tugas yang dilaksanakan untuk melahirkan kakitangan yang cekap, berpengalaman dan mahir.

BAHAGIAN VI

Pembentangan

Laporan Ketua Audit Negara

Dan Mesyuarat Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Awam Negeri



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

14. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sabah bagi tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 1, Siri 2 dan Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2013. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 April 2014. Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 Julai 2014.

15. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

15.1. Pada tahun 2013, Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 17 Oktober 2013 untuk membincangkan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah, Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. Manakala Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 8 November 2013 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011.

15.2. Pada tahun 2014, Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 19 Februari 2014 untuk membincangkan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah, Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. Manakala Jawatankuasa bermesyuarat pada 19 hingga 20 Mac 2014 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012. Ringkasan jadual Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah seperti **Jadual 15.1**.

Jadual 15.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah Pada Tahun 2013 dan 2014

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	17 Oktober 2013	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Negeri • Jabatan Bendahari Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan isu-isu Penyata Kewangan Negeri dan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2011. • Pembentangan isu-isu LKAN 2011 kepada Jawatankuasa mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan.
2.	8 November 2013	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya • Jabatan Hidupan Liar • Jabatan Pembangunan Sumber Manusia • Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar 	<ul style="list-style-type: none"> • Skop taklimat mengenai pengurusan jalan raya di Negeri Sabah kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri. <p>Mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2011 berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Gua Sarang Burung Walit • Pengurusan Program Latihan Teknikal Dan Perdagangan. • Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Di Pekan Baru.
3.	19 Februari 2014	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Negeri • Jabatan Bendahari Negeri 	<p>Pembentangan isu-isu Penyata Kewangan Negeri dan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri Sabah Tahun 2012 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan yang tinggi di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) berjumlah RM11.26 juta pada tahun 2012; • Akaun amanah terlebih dikeluarkan – Akaun Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri terlebih dikeluarkan berjumlah RM15.12 juta; • Akaun Kena Bayar berjumlah RM282.60 juta; • Deposit tidak bergerak antara tahun 2001 hingga 2010 berjumlah RM2.47 juta; • Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada Agensi Negeri berjumlah RM851.95 juta; dan • Tunggakan Hasil kerajaan berjumlah RM454.26 juta.
4.	19 – 20 Mac 2014	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pembangunan Sumber Manusia • Dewan Bandaraya Kota Kinabalu • Lembaga Sukan Negeri Sabah • Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah • Majlis Ugama Islam Sabah • Jabatan perkhidmatan Kebajikan Am • Jabatan Peguam Besar Negeri • Majlis Daerah Kunak • Pejabat Daerah Kinabatangan • Pejabat Daerah Penampang • Majlis Daerah Tuaran • Lembaga Industri Getah Sabah 	<p>Mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2011 berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. • Agensi yang belum menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2011 dan 2012. • Sijil Berteguran bagi Penyata Kewangan tahun 2012. • Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2012 bagi penarafan 2 bintang.

Sumber: Jabatan Audit Negeri

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2013 juga menunjukkan prestasi yang baik kerana Kementerian/Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Kementerian/Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem pemantauan berterusan, menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
9 Julai 2014

LAMPIRAN






**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 31 Disember 2013; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
23 Jun 2014



PERNYATAAN SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN KEWANGAN DAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting and;
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Sabah.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.


CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri
Sabah

12 Mac 2014


DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

12 Mac 2014

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2013**

	<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
			<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM				
A	WANG TUNAI	8	100,084,613	67,230,179
B	PELABURAN	9	2,123,967,733	2,477,624,497
			<u>2,224,052,346</u>	<u>2,544,854,676</u>
DIPEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	10	3,635,214,221	3,610,703,089
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	-	-
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	12	(1,411,161,875)	(1,065,848,413)
			<u>2,224,052,346</u>	<u>2,544,854,676</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri Sabah

12 Mac 2014



DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

12 Mac 2014


LAMPIRAN IV

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
seperti pada 31 Disember 2013**

	2013 RM	2012 RM
TERIMAAN		
Hasil		
Hasil Cukai	1,176,454,727.39	1,324,337,979.53
Hasil Bukan Cukai	2,764,057,393.21	2,614,823,732.69
Terimaan Bukan Hasil	<u>403,099,318.59</u>	<u>424,210,626.65</u>
	<u>4,343,611,439.19</u>	<u>4,363,372,338.87</u>
Pinjaman		
Wang Pinjaman Persekutuan	146,224,971.00	21,067,730.00
Bon Terbitan	-	146,224,971.00
	-	21,067,730.00
Terimaan Lain		
Terimaan Amanah	61,782,085.71	(79,345,437.79)
Bayaran Balik Pemberian Persekutuan	33,215,944.11	27,058,694.98
Hasil Pembangunan Yang Lain	<u>47,374,860.00</u>	<u>142,372,889.82</u>
	<u>142,372,889.82</u>	<u>50,551,987.00</u>
	<u>4,632,209,300.01</u>	<u>(1,734,755.81)</u>
Jumlah Terimaan	<u>4,632,209,300.01</u>	<u>4,382,705,313.06</u>
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	670,020,815.10	630,452,777.16
Perkhidmatan dan Bekalan	1,041,766,702.53	1,051,605,346.95
Aset	1,252,172,158.07	881,955,427.72
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	432,741,695.66	430,819,683.50
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	<u>288,754,815.01</u>	<u>3,685,456,186.37</u>
	<u>3,685,456,186.37</u>	<u>368,045,236.81</u>
	<u>3,362,878,472.14</u>	
Perbelanjaan Pembangunan		
Bayaran Balik Persekutuan	33,215,944.11	26,899,124.98
Pinjaman Persekutuan	128,373,158.21	66,346,372.12
Kumpulan Wang Negeri	<u>912,322,219.94</u>	<u>1,073,911,322.26</u>
	<u>1,073,911,322.26</u>	<u>862,564,118.26</u>
	<u>955,809,615.36</u>	
Perbelanjaan Modal		
Pelaburan Deposit Tetap	(353,656,763.21)	(353,656,763.21)
	(125,000,000.00)	(125,000,000.00)
Bayaran Balik Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	193,644,121.27	183,165,295.60
Pinjaman Luar Negeri	-	183,165,295.60
	-	183,165,295.60
Jumlah Bayaran	<u>4,599,354,866.69</u>	<u>4,376,853,383.10</u>
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai	<u>32,854,433.32</u>	<u>5,851,929.96</u>
Wangtunai Pada 01 Januari	67,230,179.18	61,378,249.22
Tambah/(Kurang) Wangtunai	<u>32,854,433.32</u>	<u>5,851,929.96</u>
WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>100,084,612.50</u>	<u>67,230,179.18</u>

Penyata Penerimaan dan Pembayaran ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


CHU NGAN NGO
 Bendahari Negeri Sabah


DATUK PG HASSANEL DATUK PG HJ MOHD TAHIR
 Setiausaha Tetap
 Kementerian Kewangan Sabah

12 Mac 2014

12 Mac 2014

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
	14	Anggaran <i>RM</i>	Sebenar <i>RM</i>	Sebenar <i>RM</i>
HASIL		4,946,052,000.00	5,010,427,214.30	4,997,050,750.85
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus		5,112,379,738.00	4,319,100,307.64	4,081,043,767.74
LEBIHAN HASIL		(166,327,738.00)	691,326,906.66	916,006,983.11
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan		1,326,351,594.00	1,073,911,322.26	955,809,615.36
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(1,492,679,332.00)	(382,584,415.60)	(39,802,632.25)
DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		146,224,971.00	21,067,730.00	
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		76,611,742.42	123,747,313.28	
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(605,421,129.02)	(184,617,675.53)	
JUMLAH PEMBIAYAAN		(382,584,415.60)	(39,802,632.25)	

Penyata Prestasi Kewangan ini hendaklah dibaca dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri Sabah

12 Mac 2014



DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD.TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

12 Mac 2014

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2013**

<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
		RM	RM
MEMORANDUM ASET			
F1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	15a	1,038,203,013.06	1,088,354,486.02
F2 PELABURAN	15b	6,119,592,690.46	5,262,381,679.39
MEMORANDUM LIABILITI			
G1 HUTANG AWAM	16a	2,830,483,685.38	2,843,865,834.18

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri Sabah

12 Mac 2014



DATUK PG HASSANEL DATUK PG HJ MOHD TAHIR
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

12 Mac 2014

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

**DASAR DAN KAE DAH
PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING**

1. Dasar Perakaunan

Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

2. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Negeri disediakan berdasarkan tunai ubahsuai.

3. Kaedah Perakaunan

Kaedah Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Negeri, iaitu:-

- a. Segala hasil atau wang yang diperoleh atau diterima yang seumpamanya hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Negeri Disatukan (Fasal 29 Perlembagaan Negeri); dan
- b. Tiada wang kecuali perbelanjaan liabiliti tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

4. Pembentangan Penyata Kewangan Negeri

Penyata Kewangan yang disediakan adalah mengikut kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) Seksyen 16(1) seperti berikut:-

- a. Akaun Hasil Disatukan.
- b. Akaun Pinjaman Disatukan.
- c. Akaun Amanah Disatukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

- d. Kumpulan Wang lain di bawah Seksyen 10.
- e. Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti.

Persembahan Penyata Kewangan adalah selaras dengan format Penyata Kewangan Persekutuan.

5. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan adalah terdiri daripada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan adalah untuk suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir 31 Disember setiap tahun seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak).

7. Urusniaga dalam Matawang Asing

Urusniaga dilaksanakan dalam matawang asing diakaunkan berdasarkan nilai setara dalam Ringgit Malaysia yang sebenar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada masa pertukaran dibuat. Urusniaga lain yang dilaksana dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia atas kadar piawai yang ditetapkan oleh Akauntan Negara. Keuntungan dan kerugian akibat terjemahan matawang asing diselaraskan kepada akaun hasil.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

8. Wang Tunai

Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH **Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

9. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan diambil kira pada nilai buku.

10. Akaun Hasil Disatukan

a. *Akaun Hasil*

Kutipan Hasil diakaunkan berdasarkan asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima.

b. *Perbelanjaan Mengurus*

Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada perbelanjaan bagi maksud Liabiliti dan Bekalan adalah merupakan semua kenaan kepada peruntukan Anggaran bagi bayaran seperti berikut:-

- i. Gaji-gaji, barang-barang dan perkhidmatan;
- ii. Pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman; dan
- iii. Pemberian kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Perbelanjaan bagi Maksud Liabiliti terdiri daripada perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

11. Akaun Pinjaman Disatukan

Pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan di bawah undang-undang Negeri. Terimaan daripada pinjaman dipindah kepada Hasil

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

Pembangunan dan Hasil Disatukan bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut. Hutang Awam seperti yang dilaporkan dalam Penyata Memorandum terdiri daripada baki belum selesai.

12. Akaun Amanah Disatukan

a. *Kumpulan Wang Pembangunan*

Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan. Terimaan bagi kumpulan wang ini adalah terdiri daripada Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, Caruman Negeri daripada Anggaran Perbekalan, Pemberian Persekutuan, Pemberian Balik (imbuhan balik) daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan dan bayaran balik pinjaman mengikut Seksyen 2(c) Akta Kumpulan Wang Pembangunan No.70 (1966). Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini merangkumi perbelanjaan langsung pinjaman dan imbuhan balik.

b. *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan*

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak) bagi maksud tertentu selaras dengan Akta Prosedur Kewangan. Kumpulan wang ini bercorak Kumpulan Wang Pusingan yang diwujudkan daripada wang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan.

c. *Akaun Kena Bayar*

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah yang dipertanggungkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2013 di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun 2014.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

d. Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas

Ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak). Kumpulan wang ini diamanahkan kepada Kerajaan untuk maksud tertentu dan dilaburkan dalam Simpanan Tetap.

e. Akaun Wang Amanah Pelbagai

Wang Amanah ini yang diamanahkan kepada Kerajaan bagi maksud tertentu dan Akaun Amanah ini akan ditutup sebaik sahaja maksudnya telah dicapai.

f. Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan wang yang diterima secara potongan daripada gaji kakitangan Kerajaan Negeri di bawah undang-undang tertentu atau mengikut arahan daripada Kementerian Kewangan Negeri. Wang yang diterima daripada orang awam akan dipegang untuk jangka masa tertentu dan akan dibayar kembali atau dijadikan hasil apabila ianya tidak dikehendaki lagi. Bagi wang yang diterima dari potongan gaji, ianya akan dibayar daripada Akaun Wang Deposit mengikut undang-undang tertentu atau arahan Kementerian Kewangan Negeri.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

13. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

14. Penyata Prestasi Kewangan

Lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya menunjukkan kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sabah.

AKAUN MEMORANDUM

15. Akaun Memorandum - Aset

Perolehan Aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai, seperti pelaburan, hutang boleh dituntut dan tunggakan hasil tidak dilaporkan sebagai aset di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

a. *Pinjaman Boleh Dituntut*

Baki pinjaman diberi yang masih belum dibayar balik kepada Kerajaan dan boleh dituntut pembayarannya daripada peminjam.

b. *Pelaburan*

Pelaburan Kerajaan dalam Badan-badan Berkanun, Syarikat dan Agensi-agensi lain dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SABAH Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri dan perlu dibaca bersama dengannya)

16. Akaun Memorandum - Liabiliti

Baki hutang Kerajaan yang belum kena bayar tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan mengikut asas tunai, seperti Hutang Awam dan Jaminan Kerajaan.

a. *Hutang Awam*

Hutang Awam terdiri daripada baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan yang belum selesai dan bon yang diterbitkan oleh Kerajaan.

17. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima merupakan Tuggakan Hasil sejumlah RM458,828,039.30 yang sepatutnya diterima oleh kerajaan tetapi belum diterima.



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my